



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
JABATAN PERIKANAN NEGERI	
Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu	3
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI	
PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER	
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN	
Pengurusan Program Penggalakan Dan Promosi Pelancongan	31
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG	
Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal	48
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	
Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri	60
YAYASAN PAHANG	
YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.	75
PENUTUP	97



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pahang.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 2 Agenzi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau

bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 21 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

Malaysia ,

Putrajaya

10 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERIKANAN NEGERI

- **Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu**

1.1. Jabatan Perikanan Negeri (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri perikanan di Negeri Pahang. Ia bertujuan bagi meningkatkan lagi bekalan ikan melalui tangkapan daripada sumber perikanan darat dan akuakultur di samping menambah pendapatan nelayan atau penternak. Selain itu, Jabatan turut bertanggungjawab dalam memastikan hidupan penyu terpelihara dengan mewujudkan Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu di Cherating. Aktiviti penguatkuasaan turut dijalankan walaupun dalam situasi kekurangan kakitangan.

1.2. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat adalah baik. Manakala bagi Projek Akuakultur dan Pengurusan Pemuliharaan Penyu adalah kurang memuaskan di mana terdapat kelemahan yang menyebabkan matlamat Program tidak tercapai sepenuhnya. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hasil pengeluaran akuakultur pada tahun 2011 menurun dengan drastik berbanding pada tahun 2010.
- Seramai 1,441 pengusaha projek akuakultur atau 81.1% tidak berjaya mencapai pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Seramai 884 atau 49.8% daripadanya berstatus rendah dan projek tidak berdaya maju.
- Pembangunan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) masih belum dilaksanakan sepenuhnya.
- Aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti penggunaan racun, bahan letupan serta peralatan yang dilarang masih berleluasa sehingga menjelaskan sumber perikanan darat.
- Aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya akibat kekurangan pegawai dan kemudahan logistik.

- Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating kekurangan kemudahan dan penyenggaraan bagi menarik kehadiran pelancong.

1.3. Bagi memastikan Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, pihak Audit mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri/Jabatan Perikanan Negeri Pahang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.3.1. Memberi peruntukan yang lebih besar di bawah Program Perikanan Jabatan dalam memastikan objektif untuk meningkat pengeluaran sumber ikan, pemuliharaan sumber perikanan darat dan penyu tercapai.

1.3.2. Memberi bantuan akuakultur hanya kepada pengusaha yang benar-benar serius untuk menjalankan projek tersebut.

1.3.3. Memantau pembangunan ZIA bagi memastikan ia dilaksanakan dengan segera.

1.3.4. Menambah bilangan pegawai penguatkuasa bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Manakala kemudahan logistik seperti kenderaan, bot dan enjin perlu ditambah bagi kegunaan operasi penguatkuasaan dan pemantauan.

1.3.5. Mempertingkatkan kemudahan dan penyenggaraan Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating bagi memastikan ia menjadi pusat tumpuan pelancong.

2. BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI

PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

- **Pengurusan Program Penggalakan Dan Promosi Pelancongan**

2.1. Pelan pembangunan pelancongan telah dirangka dalam Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang [*Pahang Tourism Transformation Plan (PTTP)*] bagi tempoh 2011 hingga 2015. Visi PTTP adalah untuk menjadikan Negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan utama menjelang tahun 2015. Kerajaan Negeri telah menyerahkan tanggungjawab untuk melaksanakan program penggalakan dan promosi pelancongan di Negeri Pahang kepada 2 agensi utama iaitu Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF) dan Lembaga Pembangunan Tioman (LPT). Pada tahun 2010, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (BPEN) telah dipertanggungjawabkan untuk menyalur peruntukan daripada Kerajaan Negeri kepada PKBF dan LPT. Bagaimanapun, mulai tahun 2011, peruntukan daripada Kerajaan Negeri disalurkan terus kepada PKBF dan LPT. Pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.2 juta setiap tahun untuk melaksanakan program penggalakan dan promosi pelancongan yang mana RM0.9 juta diperuntukkan untuk PKBF dan RM0.3 juta untuk LPT. Jumlah yang telah dibelanjakan pada

tahun 2010, 2011 dan sehingga September 2012 adalah sejumlah RM1.17 juta, RM1.13 juta dan RM0.80 juta masing-masing.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program Penggalakan Dan Promosi Pelancongan adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Penilaian terhadap kemudahan pelancongan tidak dilaksanakan.
- Pengurusan produk pelancongan kurang memuaskan.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan program penggalakan dan promosi pelancongan negeri, adalah disyorkan supaya PKBF dan LPT serta pihak yang terlibat mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Melaksanakan penilaian kemudahan pelancongan yang telah digariskan dalam PTTP bagi menjadikan Pahang sebagai destinasi pelancongan utama menjelang tahun 2015.

2.3.2. Mengadakan perbincangan dengan pihak yang terlibat bagi memastikan kriteria 4A (*Attractions, Amenities, Accommodation* dan *Accessibility*) dan kriteria 4S (*Services, Safety, Storyline* dan *Sightseeing*) dipenuhi dalam produk pelancongan supaya produk-produk pelancongan ini memberi keselesaan dan menarik pelancong untuk datang dan kembali berkunjung ke Negeri Pahang.

2.3.3. Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan promosi selaras dengan matlamat kerajaan negeri menjadikan negeri sebagai destinasi utama pelancongan tahun 2015.

3. JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

- Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal

3.1. Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Sijil Pengesahan Tanda Halal) 1998 telah dikeluarkan atas nasihat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi memberi pengiktirafan dan jaminan bahawa makanan atau produk yang dimakan atau diguna adalah halal, suci dan berkualiti. Sebagaimana Subkaedah 3, satu Jawatankuasa Kajian Makanan Dan Bahan Gunaan Orang Islam Negeri Pahang (Jawatankuasa) di bawah pentadbiran MUIP yang diurussetiakan oleh Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini antara lainnya bertanggungjawab dalam proses pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal (Sijil) dan Logo Halal, menjalankan kajian terhadap makanan dan barang yang digunakan oleh orang Islam, pemantauan terhadap premis yang memohon/memperbaharui Sijil serta mewujudkan satu sistem pengesahan Sijil yang

seragam bagi Negeri Pahang. Pada tahun 2010 hingga September 2012, kelulusan pengeluaran Sijil termasuk lulus bersyarat adalah sebanyak 480 dengan kutipan hasil berjumlah RM95,250.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Promosi dan hebahan melalui media cetak dan elektronik kurang dilaksanakan bagi menarik minat pihak industri untuk memohon Sijil serta memberi maklumat dan pengetahuan kepada pemohon berkenaan syarat-syarat pensijilan halal secara komprehensif.
- Ketiadaan Jawatankuasa Pemantauan bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- Tindakan penguatkuasaan tidak dapat dijalankan sewajarnya terhadap penyalahgunaan Sijil dan Logo Halal.
- Pemantauan berkala tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekurangan kakitangan di Unit Pengurusan Halal.

3.3. Bagi penambahaikan terhadap pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah disyorkan pihak JAIP mengambil langkah-langkah seperti berikut:

3.3.1. Memperhebat promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik bagi meningkatkan kesedaran pemilik premis, pengeluar produk dan pengguna tentang kepentingan Sijil dan Logo Halal.

3.3.2. Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

3.3.3. Meningkatkan operasi lawatan secara bersepadu yang melibatkan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pemegang Sijil dan Logo Halal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

3.3.4. Memantapkan lagi Unit Pengurusan Halal bagi memastikan proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal dilaksanakan dengan lebih cekap.

4. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri

4.1. Kuarters Kerajaan adalah rumah kediaman Kerajaan yang dibina di setiap daerah oleh Kerajaan Negeri untuk didiami oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang layak mengikut syarat dalam Perintah Am Bab E mengenai Rumah dan Bangunan Kerajaan. Objektif penyediaan kuarters adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat. Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri Pahang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pejabat SUK), manakala bagi daerah pula adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) di setiap daerah berkenaan. Penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri adalah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dan daerah masing-masing. Bilangan kuarters Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 ialah 948 unit. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, peruntukan kos baik pulih dan ubah suai kuarters Kerajaan Negeri berjumlah RM1.89 juta, manakala perbelanjaannya berjumlah RM1.88 juta. Pada tahun 2012, perbelanjaan baik pulih dan ubah suai kuarters ialah RM0.73 juta atau 97.3% daripada RM0.75 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga Disember 2012 mendapati pengurusan kuarters adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kelemahan dalam aspek penyenggaraan kuarters.
- Kesilapan pembayaran elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) serta hasil sewaan tidak dimasukkan ke dalam hasil negeri.
- Garis panduan khusus mengenai pengurusan kuarters belum diwujudkan.
- Kelemahan Pemantauan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan kuarters dilaksanakan dengan cekap, adalah disyorkan Pejabat SUK, PDT Temerloh dan Lipis serta JKR Daerah Kuantan, Temerloh dan Lipis mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Penyenggaraan hendaklah dilaksanakan terhadap kuarters kosong yang boleh diduduki untuk memastikan aset kerajaan berada dalam keadaan baik, manakala kuarters rosak hendaklah sama ada dibaiki atau dirobohkan.

4.3.2. Memastikan kesilapan pembayaran elaun ITP dan BSH diambil tindakan oleh pejabat berkenaan.

4.3.3. Satu dasar dan garis panduan yang khusus mengenai pengurusan kuarters diwujudkan agar pihak pelaksana dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

4.3.4. Pemantauan pengurusan kuarters oleh Pejabat SUK dan PDT hendaklah efektif bagi memastikan kuarters sentiasa dalam keadaan baik iaitu melalui mesyuarat, laporan berkala serta lawatan ke kuarters mengikut keperluan.

5. YAYASAN PAHANG

- **YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.**

5.1. YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1985 merupakan syarikat milik penuh Yayasan Pahang dengan modal dibenarkan berjumlah RM100 juta dan modal berbayarnya setakat ini berjumlah RM47 juta. Tujuan utama penubuhan YPPH ialah sebagai *investment arm* iaitu menjadi sumber pendapatan utama kepada Yayasan Pahang untuk membantu anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan. Visi syarikat pula adalah menjadi syarikat perladangan berkualiti bertaraf dunia. Aktiviti syarikat adalah perladangan kelapa sawit, pelaburan dan hartanah. Penglibatan YPPH dalam aktiviti pelaburan dan hartanah telah dikurangkan untuk memberi fokus kepada aktiviti perladangan kelapa sawit yang lebih menguntungkan.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati prestasi kewangan YPPH adalah baik. Keuntungan sebelum cukai syarikat semakin meningkat bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 menjadikan keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2011 berjumlah RM136.37 juta. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu perladangan kelapa sawit juga telah dilaksanakan dengan baik. Manakala tadbir urus korporat syarikat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahaikan seperti berikut:

- Kadar Perahan Minyak (KPM) YPPH masih rendah berbanding KPM Negeri Pahang Dan Semenanjung Malaysia.
- Kaedah penyimpanan baja yang tidak sempurna.
- Pembayaran bonus melebihi kadar yang ditetapkan pekeliling.
- Tiada pulangan yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari.

5.3. Bagi memastikan objektif utama YPPH sebagai *investment arm* kepada Yayasan Pahang untuk membantu anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan serta visi YPPH menjadi syarikat perladangan bertaraf dunia tercapai, adalah disyorkan YPPH mengambil tindakan penambahaikan seperti berikut:

5.3.1. Meningkatkan KPM syarikat melalui pembinaan kilang sawit sendiri serta mengurangkan kebergantungan YPPH kepada syarikat lain.

5.3.2. Mewujudkan kaedah penyimpanan baja yang lebih sempurna seperti pembinaan stor baru bagi memastikan kualiti baja sentiasa terjamin.

5.3.3. Memastikan setiap peraturan kerajaan berkaitan syarikat kerajaan terutama berkaitan pembayaran dividen, pembayaran bonus dan manfaat Ahli Lembaga Pengarah dipatuhi

5.3.4. Memantau perjalanan syarikat subsidiari bagi memastikan objektif penubuhan syarikat subsidiari tercapai serta memperoleh keuntungan dan dapat memberi pulangan pelaburan kepada YPPH.

5.3.5. Mengemukakan cadangan supaya pekeliling berkaitan syarikat kerajaan dibincangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi memastikan tahap pemakaian pekeliling tersebut oleh syarikat kerajaan negeri.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 4 aktiviti dan satu pengurusan syarikat akan dilaporkan dalam laporan ini. Empat aktiviti tersebut adalah Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu, Pengurusan Program Penggalakan Dan Promosi Pelancongan Negeri Pahang, Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal dan Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri Pahang serta satu pengurusan syarikat subsidiari YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam laporan ini.

JABATAN PERIKANAN NEGERI

2. PROJEK AKUAKULTUR, PENGURUSAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER PERIKANAN DARAT DAN PENYU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Perikanan Negeri (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri perikanan di Negeri Pahang. Ia bertujuan bagi meningkatkan lagi bekalan ikan melalui tangkapan daripada sumber perikanan darat dan akuakultur di samping menambah pendapatan nelayan atau penternak. Selain itu, pada tahun 1998 Jabatan telah mewujudkan Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu (PPSP) di Cherating di atas tapak seluas 0.33 hektar untuk memastikan hidupan penyu terpelihara. Ia juga dijadikan sebagai pusat tarikan kepada pelancong. Purata kehadiran pelancong setahun ke PSPSP ini dianggarkan seramai 57,000 orang termasuk dari luar negara.

2.1.2. Sehingga September 2012, bilangan nelayan sungai yang berdaftar di Negeri Pahang adalah seramai 1,454 orang, manakala bilangan pengusaha bidang akuakultur yang direkodkan seramai 1,776 orang. Untuk tempoh 2010 hingga September 2012, jumlah pengeluaran ikan akuakultur di Negeri Pahang adalah sebanyak 45,019 tan metrik bernilai RM469.94 juta. Manakala jumlah pendaratan umum ikan melalui sungai, lombong, empangan dan juga tasik untuk tempoh yang sama adalah sebanyak 4,331 tan metrik bernilai RM108.28 juta.

2.1.3. Objektif Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu (Program) adalah untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara terutamanya di Negeri Pahang. Jabatan mensasarkan pengeluaran ikan daripada pembangunan

akuakultur adalah sebanyak 17,000 tan metrik pada tahun 2010 kepada 22,000 tan metrik pada tahun 2012 melibatkan seramai 1,776 pengusaha. Jabatan juga menetapkan sasaran pendapatan minimum bersih pengusaha akuakultur sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Manakala bagi perikanan darat, Jabatan mensasarkan pendaratan umum ikan daripada 1,200 tan metrik pada tahun 2010 kepada 1,400 tan metrik pada tahun 2012. Sebanyak 500,000 benih ikan/udang juga disasar untuk dilepaskan setiap tahun pada tahun 2010 hingga 2012. Manakala, bagi pemuliharaan penyu pula, Jabatan mensasarkan sebanyak 15,000 biji telur penyu dapat ditetaskan pada tahun 2010 dan 2011 serta 14,000 biji lagi pada tahun 2012.

2.1.4. Pada tahun 2010, Jabatan telah memohon peruntukan sejumlah RM2.60 juta, sejumlah RM3.35 juta pada tahun 2011 dan sejumlah RM3.09 juta pada tahun 2012 bagi melaksanakan Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu. Peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM1 juta pada tahun 2010, sejumlah RM0.15 juta pada tahun 2011 dan sejumlah RM0.20 juta pada tahun 2012. Kesemua peruntukan tersebut telah dibelanjakan sepenuhnya sehingga akhir tahun masing-masing.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu telah dirancang dengan cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada projek akuakultur dalam usaha mewujudkan lebih ramai penternak ikan/udang yang berjaya di Negeri Pahang serta pengurusan pemuliharaan perikanan darat dan juga penyu bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perikanan Negeri, 4 Pejabat Perikanan Daerah iaitu Pekan, Rompin, Temerloh dan Bera, Pusat Pembangunan Akuakultur Perllok, Jerantut, Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating serta Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (BPEN). Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, minit mesyuarat, laporan, lesen serta mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai Jabatan, penternak ikan/udang, penjual ikan di pasar tani dan juga penduduk setempat turut dibuat bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Di samping itu, lawatan ke lokasi projek ternakan ikan sangkar, kolam serta tangki di sekitar Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh dan Bera turut dilakukan bagi meninjau dan menilai prestasi pengusaha. Lawatan juga telah dibuat di Pusat Pembangunan Akuakultur Perllok, Jerantut serta Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat adalah baik. Manakala bagi Projek Akuakultur dan Pengurusan Pemuliharaan Penyu adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan yang menyebabkan matlamat Program tidak tercapai sepenuhnya. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hasil pengeluaran akuakultur pada tahun 2011 menurun dengan drastik berbanding pada tahun 2010.
- Seramai 1,441 pengusaha projek akuakultur atau 81.1% tidak berjaya mencapai pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Seramai 884 atau 49.8% daripadanya berstatus rendah dan projek tidak berdaya maju.
- Pembangunan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) masih belum dilaksanakan sepenuhnya.
- Aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti penggunaan racun, bahan letupan serta peralatan yang dilarang masih berleluasa sehingga menjadikan sumber perikanan darat.
- Aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya akibat kekurangan pegawai dan kemudahan logistik.
- Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating kekurangan kemudahan dan penyenggaraan bagi menarik kehadiran pelancong.

2.4.1. Projek Akuakultur

2.4.1.1. Akuakultur bermaksud pembiakan benih ikan atau pemeliharaan biak ikan melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya. Selaras dengan objektif Industri Ikan Negara untuk meningkatkan pengeluaran ikan, Jabatan telah mensasarkan anggaran jumlah pengeluaran ikan akuakultur setahun daripada sebanyak 17,000 tan metrik pada tahun 2010 kepada 22,000 tan metrik pada tahun 2012. Bagi mencapai objektif tersebut, adalah menjadi matlamat Jabatan menggalakkan pembangunan akuakultur komersial yang mapan di kalangan penternak kecil dan sederhana, meluaskan pemasaran hasil dan yang lebih penting adalah untuk mewujudkan usahawan dalam bidang akuakultur yang berjaya dengan memperoleh pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Bagi memastikan kejayaan dapat dicapai, Jabatan menyalurkan bantuan asas seperti *paddle wheel*, sangkar, benih serta makanan ikan kepada penternak yang dirasakan perlu dibantu. Bantuan biasanya diberi di peringkat permulaan projek sebagai bantuan sokongan. Bentuk bantuan yang

diberikan oleh Jabatan kepada pengusaha akuakultur adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**. Selain itu, bagi memastikan jumlah pengeluaran ikan bertambah dan terjamin maka Kerajaan Negeri melalui Jabatan telah menggalakkan pembangunan kawasan baru di bawah ZIA. Ia merupakan pelaksanaan projek akuakultur berskala besar melibatkan pelaburan oleh sektor swasta di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti.

Gambar 2.1
Bantuan Paddle Wheel



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.2
Bantuan Makanan Ikan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.3
Bantuan Benih Anak Ikan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.4
Bantuan Sangkar Ikan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati bilangan pengusaha akuakultur di Negeri Pahang pada tahun 2010 adalah seramai 1,766 orang dan pada tahun 2011 sehingga September 2012 adalah seramai 1,776 orang. Pengusaha ini terdiri daripada penternak yang mengusahakan projek sangkar dan kolam air tawar, sangkar dan kolam air payau, tangki, ternakan dalam bekas lombong serta ternakan kupang menggunakan rakit. Jenis projek adalah bergantung kepada kedudukan dan lokasinya. Bagi projek yang melibatkan air payau, ia selalunya di kawasan kuala sungai yang berhampiran dengan laut seperti Kuantan, Pekan dan Rompin. Manakala projek air tawar biasanya terletak di kawasan yang jauh ke pedalaman seperti Temerloh, Jerantut dan Lipis. Jenis ikan yang diternak adalah mengikut kesesuaian air. Ikan air payau yang biasa diternak adalah seperti Siakap, Talapia, Patin dan udang. Manakala, bagi ikan air tawar adalah seperti Patin, Talapia, Keli, Baung dan Kerai Lampam. Sistem ternakan menggunakan sangkar ataupun

kolam. Kedudukan pengusaha akuakultur di Negeri Pahang mengikut jenis projek pada tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 2.1**. Manakala antara sistem akuakultur yang dilaksanakan di Negeri Pahang adalah seperti di **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.7**.

Jadual 2.1

Pengusaha Akuakultur Di Negeri Pahang Pada Tahun 2011

Bil.	Jenis Projek	Bilangan Penternak	Peratus Penternak (%)	Bilangan Diusahakan (Kolam/Sangkar/Tangki)	Luas (Ha/M ³)
1.	Kolam Air Tawar	812	45.7	1,904	544.00
2.	Sangkar Air Tawar	723	40.7	7,105	15.58
3.	Tangki	135	7.6	1,379	23.10 (simen)
					0.65 (air masin)
4.	Sangkar Air Payau	83	4.7	968	1.00
5.	Kolam Air Payau	19	1.1	798	0.07
6.	Bekas Lombong	3	0.2	3	29.50
7.	Rakit (Kupang)	1	0.1	-	-
Jumlah		1,776	100		613.90

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.5
Sistem Kolam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pantai Bernas, Rompin
Tarikh: 20 September 2012

Gambar 2.6
Sistem Sangkar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Keladi, Pekan
Tarikh: 18 September 2012



**Gambar 2.7
Sistem Tangki**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Setongkol,Kuantan
Tarikh: 19 Julai 2012

2.4.1.3. Pada tahun 2010, didapati jumlah pengeluaran ikan telah melebihi sasaran iaitu sebanyak 21,619 tan metrik berbanding yang disasarkan sebanyak 17,000 tan metrik dengan nilai pengeluaran berjumlah RM212.95 juta. Bagaimanapun, jumlah pengeluaran telah menurun sebanyak 8,044 tan metrik atau 37.2% pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya kepada 13,575 tan metrik bernilai RM133.74 juta. Jumlah tersebut juga berkurangan sebanyak 8,425 tan metrik berbanding yang disasarkan sebanyak 22,000 tan metrik pada tahun berkenaan. Keadaan ini adalah disebabkan berlakunya banjir dan juga serangan penyakit terhadap ternakan. Pada tahun 2012, Jabatan mensasarkan jumlah pengeluaran sebanyak 22,000 tan metrik. Sehingga September 2012, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 9,903 tan metrik bernilai RM123.25 juta. Secara purata, jumlah ini hampir menyamai pengeluaran pada tahun 2011. Prestasi pencapaian program akuakultur bagi tempoh 2010 hingga September 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Pencapaian Akuakultur Bagi Tempoh
2010 Hingga September 2012

Bil.	Perkara	Tahun		
		2010	2011	2012
1.	Bilangan Pengusaha	1,766	1,776	1,776
2.	Pengeluaran Ikan (Tan Metrik)	17,000	22,000	22,000
	Sasaran Hasil	21,619	13,575	9,903
3.	Nilai Pengeluaran (RM juta)	212.95	133.74	123.25

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

2.4.1.4. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan penurunan pengeluaran hasil pada tahun 2011 adalah disebabkan faktor kenaikan harga makanan ikan sebanyak 10% yang menyebabkan pengusaha mengurangkan jumlah ternakan. Selain itu, ada pengusaha berskala besar yang menghadapi masalah pengurusan dan ternakan menghadapi serangan penyakit serta pencemaran air yang tidak terkawal telah menyumbang kepada pengurangan jumlah pengeluaran hasil.**

2.4.1.5. Pada tahun 2011, didapati bilangan pengusaha kolam air tawar di Negeri Pahang adalah seramai 812 orang atau 45.7%, pengusaha sangkar air tawar adalah seramai 723 orang atau 40.7%, pengusaha ternakan ikan menggunakan tangki adalah seramai 135 orang atau 7.6%, manakala selebihnya mengusahakan projek sangkar air

payau, kolam air payau, ternakan dalam bekas lombong dan ternakan kupang menggunakan rakit seramai 106 orang atau 6%.

2.4.1.6. Analisis terhadap data keseluruhan pengusaha akuakultur tahun 2011 telah dibuat bagi menilai pencapaian mereka dalam industri ini. Adalah didapati hanya seramai 335 pengusaha atau 18.9% sahaja telah mencapai status pengeluar Tinggi dan berjaya memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Seramai 557 pengusaha atau 31.4% mencapai status pengeluar Sederhana yang memperoleh pendapatan bulanan kurang RM3,000. Manakala seramai 884 pengusaha atau 49.8% mencapai status pengeluar Rendah yang dikategorikan sebagai projek tidak berdaya maju. Projek akuakultur bukan lagi menjadi sumber pendapatan utama mereka malah ada yang telah tidak lagi aktif. Ia bermakna seramai 1,441 pengusaha atau 81.1% gagal memperoleh pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan sebagaimana matlamat ditetapkan Jabatan. Status keseluruhan pengusaha akuakultur pada tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Status Pengusaha Akuakultur Pada Tahun 2011

Bil.	Jenis Projek	Status Pengusaha			Jumlah/%
		Tinggi/%	Sederhana/%	Rendah/%	
1.	Kolam Air Tawar	149/18.4	220/27.1	443/54.6	812/45.7
2.	Sangkar Air Tawar	114/15.8	257/35.6	352/48.7	723/40.7
3.	Tangki	35/25.9	42/31.1	58/43.0	135/7.6
4.	Sangkar Air Payau	20/24.1	35/42.2	28/33.8	83/4.7
5.	Kolam Air Payau	16/84.2	3/15.8	0/0.0	19/1.1
6.	Bekas Lombong	0/0.0	0/0.0	3/100	3/0.2
7.	Rakit	1/100	0/0.0	0/0.0	1/0.1
Jumlah		335/18.9	557/31.4	884/49.8	1,776/100

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Nota: Status Tinggi: Pendapatan kasar lebih RM3,000/bulan - projek berjaya

Status Sederhana - Pendapatan kasar kurang RM3,000/bulan

Status Rendah - Projek tidak berdaya maju

a. Kegagalan Projek Akuakultur

- i. Kedudukan pengusaha berstatus Rendah seperti di **Jadual 2.3** menunjukkan bahawa projek yang dilaksanakan telah gagal sama ada projek telah ditinggalkan terus atau masih beroperasi. Didapati projek kolam air tawar paling banyak mengalami kegagalan iaitu sebanyak 443 projek atau 54.6%, projek sangkar air tawar sebanyak 352 projek atau 48.7%, projek tangki sebanyak 58 projek atau 43%, projek sangkar air payau sebanyak 28 projek atau 33.8% dan projek bekas lombong sebanyak 3 projek atau 100%. Semakan Audit mendapati faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan projek adalah kos makanan ikan yang semakin meningkat. Bagi pengusaha yang menumpukan sepenuh masa kepada projek ini masih mampu bertahan dengan mempelbagaikan makanan ikan seperti menggunakan perut ayam dan sisa/kepala ikan. Manakala bagi pengusaha yang tidak serius menjadikan kos kenaikan makanan ikan sebagai alasan kepada kegagalan. Sebagai contoh, harga makanan ikan telah naik sejumlah

RM2.00/RM2.50 pada September 2012 menjadikan kosnya RM52.50/RM53 satu beg seberat 20 kilogram. Ikan perlu diberi makan sebanyak 2 kali sehari untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan bagi mendapatkan hasil. Kesemua 31 pengusaha yang dilawati menyatakan bahawa kos makanan ikan yang tinggi merupakan masalah utama dalam industri ini. Contoh makanan ikan adalah seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**.

Gambar 2.8
Pelbagai Jenis Makanan Ikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sungai Ganchong, Pekan
Tarikh: 19 September 2012

Gambar 2.9
Pelbagai Saiz Makanan Ikan Mengikut Kegunaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sungai Ganchong, Pekan
Tarikh: 19 September 2012

- ii. Kegagalan pengusaha juga adalah disebabkan masalah penyakit yang sering menyerang ternakan yang berlaku secara meluas sehingga menjelaskan pengeluaran akuakultur di Negeri Pahang. Serangan penyakit ini memberi kesan besar kepada pengusaha. Selain mengalami kerugian akibat kematian ternakan secara mendadak, pengusaha terpaksa mengeluarkan modal yang besar bagi membaik pulih kolam atau sangkar yang telah diserang penyakit. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan masalah penyakit sering melanda ternakan terutamanya ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Pahang yang selalunya diserang oleh bakteria *Streptococcus Sp.* Manakala ternakan udang laut biasanya diserang penyakit *White Spot* dan terbaru dikenali dengan *Early Mortality Syndrome (EMS)*.**
- iii. Kesesuaian lokasi juga menjadi penyumbang kepada pencapaian sesuatu projek. Lokasi yang tidak sesuai boleh menyebabkan projek gagal seperti yang berlaku kepada 2 pengusaha di Kampung Tanjung Agas, Pekan yang mengusahakan ternakan ikan sangkar. Kedudukan sangkar yang berhampiran dengan kuala Sungai Tanjung Agas adalah tidak sesuai kerana kawasan tersebut menghadapi masalah mendapan pasir yang serius sehingga menutup muara sungai berkenaan. Bagi memastikan air sungai dapat terus mengalir ke laut, Jabatan Pengairan Dan Saliran terpaksa melaksanakan kerja-kerja mengorek mendapan pasir di kuala sungai. Bagaimanapun, masalah mendapan pasir ini masih lagi berlaku menyebabkan paras air di kawasan tersebut menjadi

cetek, menaikkan suhu air dan mengurangkan kadar oksigen. Keadaan ini tidak sesuai kepada ikan dan boleh menyebabkan kematian. Projek ikan sangkar dan operasi ternakan di sini telah dihentikan pada tahun 2010. Projek ikan sangkar yang gagal di Kampung Tanjung Agas, Pekan disebabkan masalah mendapan pasir dan kerja mengorek mendapan adalah seperti di **Gambar 2.10** hingga **Gambar 2.11**.

Gambar 2.10
Sangkar Ikan Yang
Telah Ditinggalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg.Tg. Agas, Pekan
Tarikh: 19 September 2012

Gambar 2.11
Kerja Mengorek Mendapan Pasir
Di Kuala Sungai Tanjung Agas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg.Tg. Agas, Pekan
Tarikh: 19 September 2012

- iv. Pengusaha ternakan ikan sangkar air tawar juga terpaksa berhadapan dengan risiko kematian ternakan dalam skala besar disebabkan pencemaran air sungai. Pencemaran ini biasanya daripada sisa buangan kilang atau pun aktiviti penangkapan ikan yang dilarang seperti penggunaan racun. Contoh kes seperti yang berlaku di Daerah Bera pada 19 Ogos 2012. Dalam kes ini, seorang pengusaha ikan sangkar di Sungai Bera telah mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM60,000 kerana ribuan Ikan Patin, Lampam dan Seluang yang diternak dalam 28 sangkar telah mati. Kematian ikan ini didakwa berpunca daripada buangan sisa kilang getah ke Sungai Serting di Negeri Sembilan yang bersambung dengan Sungai Bera. Penternak mendakwa ini merupakan kali ke empat dia menghadapi keadaan seperti ini. Kes ini sukar dibendung terutamanya ia melibatkan kawasan di luar Pahang dan dalam bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar. Kes ini telah dilaporkan dalam akhbar seperti di **Gambar 2.12**.



RUGI...Mat Rasul (kanan) melihat bangkai ikan di dalam sangkar ternakannya.

Hampir pitam lihat ikan mati

KUANTAN: Seorang pengusaha ikan sangkar di Sungai Bera hanya mampu menepuk dahi sebaik melihat ribuan patin, lampam dan seluang yang diteratak di

bangkai ikan berkenaan.

"Namun, sebaik ke sangkar sama pada pagi Isnin, saya hampir pitam apabila melihat beribu-ribu ikan sungai

Gambar 2.12
Laporan Akhbar Berkaitan Kes Pembuangan Sisa Kilang Ke Sungai Di Bera

Sumber: Akhbar Sinar Harian
Tarikh: 24 Ogos 2012

- v. Kegiatan penangkapan ikan menggunakan racun turut menjadi penyumbang kepada kematian ikan yang diteratak. Kegiatan ini sering dilakukan ketika musim panas berpanjangan kerana paras air sungai cetek. Kegiatan ini amat memberi kesan kepada pengusaha ikan sangkar kerana boleh menyebabkan kematian ikan dalam skala besar. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012, sebanyak 2 kes meracun telah berjaya dikesan iaitu di Sungai Jengka, Maran dan Sungai Semantan, Temerloh. Pelaku telah dikenakan tindakan kompaun masing-masing berjumlah RM2,400 dan RM1,300. Sementara itu, faktor di luar kawalan seperti banjir, kemarau dan serangan musuh seperti memerang dan biawak turut boleh menjelaskan usaha penternak menjadi pengusaha yang berjaya.
- vi. Selain itu, sikap pengusaha itu sendiri turut menyumbang kepada kegagalan projek. Mereka tidak serius dalam melaksanakan projek dan hanya mengharapkan bantuan Jabatan semata-mata. Mereka menjadikan projek ini sebagai kerja sampingan dan diusahakan secara kecil-kecilan. Bantuan yang diperoleh di peringkat awal habis begitu saja dan hasil jualan tidak dijadikan modal pusingan. Akhirnya projek gagal atau tidak mencapai objektif Jabatan antaranya seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**.

Gambar 2.13
Kolam Ikan Diusaha
Secara Kecil-kecilan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Simpang Tedong, Temerloh
Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 2.14
Projek Ternakan Sangkar
Air Tawar Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bukit Serdang, Bera
Tarikh: 11 Oktober 2012

vii. Bagaimanapun, semakan Audit turut mendapati seramai 335 penternak atau 18.9% telah mencapai status pengusaha akuakultur berjaya. Mereka terdiri daripada pengusaha kolam/sangkar air tawar dan air payau, ternakan dalam tangki serta penternak kupang. Mereka ini mampu memperoleh pendapatan lebih RM3,000 sebulan. **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16** adalah contoh beberapa pengusaha akuakultur yang telah berjaya. Didapati kejayaan mereka ini adalah disebabkan faktor seperti berikut:

- Bersikap positif, kuat semangat untuk berjaya serta tidak mudah putus asa walau menghadapi pelbagai masalah.
- Menumpukan sepenuh masa terhadap projek.
- Tidak mengharapkan bantuan kerajaan malah sanggup membuat pinjaman bank untuk memulakan projek.
- Menjual sendiri hasil sama ada di gerai atau di pasar tani.
- Sebahagian keuntungan dijadikan modal pusingan untuk menaik taraf projek menjadi lebih besar.

Gambar 2.15
Hab Pengumpulan Ikan Air Tawar Milik Seorang Pengusaha Berjaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Langgar, Pekan
Tarikh: 19 September 2012

Gambar 2.16
Pengusaha Sangkar Air Tawar Menjual Sendiri Hasil Di Pasar Tani



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Tani Kerdau, Temerloh
Tarikh: 15 Oktober 2012

viii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan untuk menjadi pengusaha akuakultur yang berjaya, beberapa faktor perlu diambil kira antaranya:**

- **Saiz minima bagi ternakan ikan air tawar dalam sangkar adalah 10 petak sangkar yang berkeluasan 10' x 12' bagi setiap petak.**
- **Aktiviti akuakultur perlu dijalankan secara intensif dan sepenuh masa kerana ia mudah terdedah kepada pemangsa, pencemaran dan sebagainya.**
- **Pemerhatian terhadap ternakan perlu sentiasa dilakukan bagi memastikan ia tidak diserang penyakit dan kadar pemberian makanan hendaklah mengikut perkiraan yang betul bagi mengelakkan pembaziran.**
- **Pengusaha sebolehnya memasarkan sendiri hasil secara runcit atau borong dan penglibatan orang tengah atau peraih dalam menentukan pasaran perlu dielakkan.**

b. Pembangunan Zon Industri Akuakultur

- i. Zon Industri Akuakultur (ZIA) merupakan kawasan tanah dan perairan yang dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan pengeluaran ikan yang bermutu tinggi dan meningkatkan pendapatan pengusaha di Negeri Pahang. Kawasan ZIA mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) dan ia hendaklah dizonkan untuk kegiatan akuakultur di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Sehubungan itu, Jabatan telah

mencadangkan kawasan seluas 2,808 hektar melibatkan 14 lokasi sebagai kawasan ZIA untuk pembangunan 6 jenis aktiviti akuakultur di Negeri Pahang. Kawasan cadangan ZIA berdasarkan aktiviti akuakultur adalah seperti di **Jadual 2.4.**

Jadual 2.4
Kawasan Cadangan ZIA

Bil.	Aktiviti Akuakultur	Kawasan/Lokasi Cadangan ZIA	Luas Dicadang (Hektar)
1.	Ternakan Udang Laut Dalam Kolam	i. Kg. Merchong, Pekan	404
		ii. Tanjung Batu, Pekan	283
2.	Ternakan Ikan Laut Dalam Kolam/Tangki	iii. Kg. Sabak Feri, Rompin	68
		iv. Kg. Ayau, Rompin	52
		v. Pulau Permatang Pauh, Rompin	262
3.	Ternakan Ikan Laut Dalam Sangkar	vi. Cherok Paloh, Kuantan	30
		vii. Pulau Tioman, Rompin	400
		viii. Kg. Kuala Sungai Pontian, Rompin	50
4.	Ternakan Udang Galah Dalam Kolam	ix. Kg. Kedaik, Rompin	404
5.	Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Kolam/Tangki	x. Kg. Luit, Maran	10
		xi. Kg. Ulu Chenua, Raub	37
		xii. Kg. Bunut Lepar, Pekan	40
		xiii. Kg. Merchong, Rompin	364
6.	Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar	xiv. Kg. Selendang, Rompin	404
Jumlah			2,808

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang

- ii. Berdasarkan kepada maklumat BPEN, adalah didapati sehingga September 2012, kawasan ZIA yang dicadang masih belum lagi diwartakan. Bagaimanapun, kawasan seluas 919 hektar telah diluluskan melibatkan 7 kawasan. Manakala seluas 1,889 hektar lagi masih belum diberi kelulusan. Kawasan yang diluluskan adalah untuk diusahakan ternakan udang/ikan laut dalam kolam, ternakan ikan laut dalam sangkar, ternakan udang galah dalam kolam dan ternakan ikan air tawar dalam kolam/tangki. Sehingga September 2012, daripada 7 kawasan yang diluluskan hanya 2 kawasan telah diusahakan iaitu satu kawasan oleh LKPP Corporation Sdn. Bhd. di Pulau Permatang Pauh, Rompin seluas 262 hektar. Manakala satu kawasan lagi ialah di Cherok Paloh, Kuantan seluas 30 hektar yang merupakan projek berkelompok di bawah pemantauan Jabatan. Sementara baki 5 kawasan seluas 627 hektar yang melibatkan 5 syarikat masih belum memulakan operasi masing-masing. Ia adalah disebabkan kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk, kolam dan bekalan elektrik masih belum dilaksanakan di kawasan tersebut.

- iii. Daripada kawasan seluas 1,889 hektar yang belum dibangunkan, seluas 404 hektar merupakan kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan tадahan air. Baki seluas 1,485 hektar belum dilaksanakan kerana tiada kemudahan

infrastruktur. Keadaan ini memberi kesan terhadap perkembangan aktiviti akuakultur secara komersial yang dirancang oleh Jabatan bagi meningkatkan lagi pengeluaran ikan yang bermutu tinggi serta menambah pendapatan pengusaha. Maklumat pembangunan kawasan ZIA adalah seperti di **Jadual 2.5**. Manakala antara projek ZIA yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**.

Jadual 2.5
Kawasan Zon Industri Akuakultur

Bil.	Aktiviti Akuakultur	Kawasan/ Lokasi Cadangan ZIA	Luas Dicadangkan (Hektar)	Luas Diluluskan (Hektar)	Kawasan Belum Bangun (Hektar)	Maklumat Pelabur	Tarikh Kelulusan
1.	Ternakan Udang Laut Dalam Kolam	Kg. Merchong, Pekan	404	80	324	Syarikat BTG Holdings Sdn. Bhd. (Pajakan 20 tahun - PSK)	12.03.2010
		Tanjung Batu, Pekan	283	283	-	LKPP Corp. Sdn. Bhd. (Pajakan 20 tahun - PSK)	12.06.2007
2.	Ternakan Ikan Laut Dalam Kolam/ Tangki	Kg. Sabak Feri, Rompin	68	-	68	Belum lulus	-
		Kg. Ayau, Rompin	52	52	-	Syarikat Leong Hup Aquaculture Sdn. Bhd. (Pajakan 20 tahun)	12.03.2012
		Pulau Permatang Pauh, Rompin	262	262	-	LKPP Corp. Sdn. Bhd. (162 ha - Hakmilik Tanah Pajakan 99 tahun. 100 ha- pajakan 20 tahun- PSK)	01.07.2009
3.	Ternakan Ikan Laut Dalam Sangkar	Cherok Paloh, Kuantan	30	30	-	Projek Kelompok - Jabatan Perikanan Negeri	Tiada Maklumat
		Pulau Tioman Rompin	400	-	400	Belum Diluluskan	
		Kg. Kuala Sungai Pontian, Rompin	50	-	50	Belum Diluluskan	
4.	Ternakan Udang Galah Dalam Kolam	Kg. Kedaik Rompin	404	202	202	Syarikat Agro Jauhari Corp. Sdn. Bhd. (Pajakan 20 tahun - PSK)	12.07.2006

Bil.	Aktiviti Akuakultur	Kawasan/ Lokasi Cadangan ZIA	Luas Dicadangkan (Hektar)	Luas Diluluskan (Hektar)	Kawasan Belum Bangun (Hektar)	Maklumat Pelabur	Tarikh Kelulusan
5.	Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Kolam/ Tangki	Kg. Luit, Maran	10	10	-	Syarikat Master Degree Sdn. Bhd. (Pajakan 20 tahun - PSK)	03.06.2009
		Kg. Ulu Chenua, Raub	37	-	37	Belum Diluluskan	
		Kg. Bunut Lepar, Pekan	40	-	40	Belum Diluluskan	
		Kg. Merchong, Rompin	364	-	364	Belum Diluluskan	
6.	Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar	Kg. Selendang, Rompin	404	-	404	Tiada Kelulusan kerana kawasan ini merupakan kawasan tadahan air.	
Jumlah		14	2,808	919	1,889		

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cherok Paloh, Kuantan
Tarikh: 19 Julai 2012



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Cherok Paloh, Kuantan

iv. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan pada asalnya kawasan ZIA terletak di bawah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di mana tanah ini adalah hak milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Tanah ini hanya dizonkan untuk kegiatan akuakultur sahaja dan diberikan hak milik secara pajakan kepada pelabur. Kerajaan Negeri buat masa ini belum berhasrat untuk mewartakan kawasan ZIA. Kerajaan Negeri hanya mengezonkan sahaja kawasan tersebut. Pembangunan kawasan ZIA adalah tanggungjawab pelabur sendiri.**

Pada pendapat Audit pelaksanaan projek akuakultur kurang memuaskan kerana sebahagian besar pendapatan pengusaha masih di bawah sasaran RM3,000 sebulan. Manakala perkembangan projek ZIA yang perlahan memberi kesan terhadap usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran akuakultur di Negeri Pahang.

2.4.2. Pengurusan Pemuliharaan Perikanan Darat

2.4.2.1. Mengikut Akta Perikanan 1985, perikanan darat bermaksud perikanan di perairan sungai. Negeri Pahang merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai perairan yang luas dan terpanjang di Semenanjung Malaysia. Terdapat sebanyak 12 batang sungai utama sepanjang 1,166 kilometer dan 2 buah tasik seluas 6,300 hektar yang mengandungi pelbagai spesies ikan termasuk yang bernilai tinggi seperti Kelah, Patin dan Jelawat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 dan 2011, jumlah pendaratan ikan darat telah berjaya melebihi jumlah yang disasarkan. Pada tahun 2010, jumlah ikan yang didaraskan sebanyak 1,465 tan metrik berbanding yang disasarkan sebanyak 1,200 tan metrik dan pada tahun 2011 sebanyak 1,474 tan metrik berbanding disasarkan sebanyak 1,300 tan metrik. Manakala pada tahun 2012, Jabatan mensasarkan pendaratan ikan sebanyak 1,400 tan metrik. Sehingga September 2012, jumlah ikan yang didaraskan sebanyak 1,392 tan metrik dan pada akhir tahun 2012, jumlah yang didaraskan dijangka melebihi jumlah yang disasarkan. Prestasi pengeluaran yang baik ini antaranya adalah disebabkan usaha berterusan Jabatan dalam membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerjasama erat masyarakat dengan pihak Jabatan dalam menyalurkan maklumat serta semakin wujud kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara sumber perikanan.

2.4.2.2. Selain itu juga, semakan Audit mendapati bilangan nelayan yang berdaftar dalam Sistem Maklumat Perikanan Darat di Negeri Pahang semakin meningkat. Pada tahun 2007, bilangan mereka hanya seramai 266 orang. Namun bilangan tersebut telah meningkat kepada 1,454 orang pada September 2012 iaitu peningkatan sebanyak 546.6%. Daerah Temerloh mencatatkan bilangan nelayan berdaftar tertinggi diikuti Bera, Maran dan Jerantut. Peningkatan yang ketara ini antaranya disebabkan usaha gigih Jabatan dalam menyampaikan maklumat mengenai keperluan pendaftaran dan lesen. Kedudukan pendaftaran nelayan bagi tempoh 2007 hingga September 2012 mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Pendaftaran Nelayan Bagi Tempoh 2007 Hingga September 2012

Daerah	Tahun						Jumlah
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	
Temerloh	96	100	67	23	22	0	308
Bera	165	40	34	25	11	10	285
Maran	4	1	8	52	132	45	242
Jerantut	0	0	0	1	206	20	227
Rompin	0	2	0	122	10	8	142
Pekan	0	0	0	94	15	0	109
Lipis	0	0	0	38	26	3	67
Kuantan	0	14	17	28	1	0	60
Raub	1	0	0	13	0	0	14
Jumlah	266	157	126	396	423	86	1,454

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

2.4.2.3. Bagi memastikan sumber perikanan darat terus kekal dan terpelihara, Jabatan sentiasa melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum seperti sungai dan juga tasik. Benih ikan diperoleh daripada Pusat Pembangunan Akuakultur Perlok, Jerantut dan juga Bukit Tinggi, Bentong. Program pelepasan ini melibatkan pelbagai pihak seperti Ahli Dewan Undangan Negeri, Jabatan serta masyarakat melalui program kesedaran. Jabatan telah mensasar untuk melepaskan sebanyak 500,000 ekor benih ikan pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Bagi tempoh 2010 hingga September 2012, Jabatan telah melaksanakan sebanyak 106 program pelepasan benih ikan. Ia melibatkan sebanyak 1.59 juta ekor benih ikan terdiri daripada pelbagai spesies seperti Lampam Sungai, Kerai Lampam, Sebarau, Temoleh dan Kelah. Daripada jumlah tersebut, secara purata jumlah benih ikan yang dilepaskan melebihi jumlah yang disasarkan setiap tahun. Kedudukan pelepasan benih ikan di perairan umum mengikut spesies bagi tempoh 2010 hingga September 2012 adalah seperti di **Jadual 2.7**. Benih ikan dan program pelepasan benih ikan adalah seperti di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.20**.

Jadual 2.7
Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum Mengikut Spesies
Bagi Tempoh 2010 Hingga September 2012

Bil.	Spesies	Tahun/(ekor)			Jumlah (ekor)
		2010	2011	2012	
1.	Lampam Sungai	445,200	375,550	501,000	1,321,750
2.	Kerai Lampam	80,600	14,000	24,000	118,600
3.	Sebarau	1,500	24,000	25,600	51,100
4.	Temoleh	8,000	30,250	20	38,270
5.	Tenggalan	-	-	19,000	19,000
6.	Puyu	15,000	2,000	-	17,000
7.	Jelawat	7,500	-	-	7,500
8.	Kelah	2,060	3,200	2,120	7,380
9.	Baung	6,000	-	-	6,000
10.	Patin Hitam	1,050	-	-	1,050
Jumlah		566,910	449,000	571,740	1,587,650

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.19
Benih Ikan Lampam Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembangunan Akuakultur,
Perlok, Jerantut
Tarikh: 15 Oktober 2012

Gambar 2.20
Program Pelepasan Benih Ikan
Anjuran Jabatan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

2.4.2.4. Selain itu, Jabatan turut menjalankan aktiviti inventori perikanan darat. Ia bertujuan bagi mengenal pasti lubuk serta spesies ikan di kawasan yang dipilih serta menganggarkan stok ikan di kawasan berkenaan. Didapati pada tahun 2010, Jabatan telah menjalankan sebanyak 4 aktiviti inventori iaitu di Jerantut dan Rompin. Sebanyak 2 aktiviti dijalankan pada tahun 2011 iaitu di Tasik Bera. Manakala pada tahun 2012, aktiviti tersebut telah dijalankan sekali di Sungai Lepar, Kuantan. Setiap maklumat semasa aktiviti tersebut direkodkan dan disimpan untuk pangkalan data dan tindakan susulan Jabatan. Aktiviti inventori yang dijalankan adalah seperti di **Gambar 2.21** dan **Gambar 2.22**. Hasil daripada aktiviti inventori yang dijalankan, Jabatan telah mengenal pasti kawasan serta lubuk ikan mengikut sungai di Negeri Pahang seperti di **Jadual 2.8**.

Gambar 2.21



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Sg. Sepia, Jerantut

Gambar 2.22



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Sg. Sepia, Jerantut

Jadual 2.8

Kawasan Dan Lubuk Ikan Yang Telah Dikenal Pasti

Bil.	Nama Sungai	Jenis Ikan
1.	Sungai Pahang	Patin, Lampam, Baung, Tengalan, Kerai
2.	Sungai Jelai	Patin, Lampam, Baung, Tengalan
3.	Sungai Tembeling	Kerai, Kelah, Lawang, Tamalian
4.	Sungai Rompin	Udang Galah, Tapah, Baung, Juara
5.	Sungai Kuantan	Baung, Udang Galah, Lampam
6.	Sungai Bebar	Udang Galah, Lampam, Baung, Tapah
7.	Sungai Merchong	Udang Galah, Tapah, Baung
8.	Sungai Semantan	Patin Buah, Lampam, Tengalan, Baung
9.	Sungai Bera	Tapah, Baung, Tengalan, Ketutu, Lampam
10.	Sungai Serting	Loma, Lais, Baung, Lampam
11.	Sungai Triang	Tapah, Baung, Ketutu, Lampam
12.	Sungai Lipis	Baung, Lampam, Patin, Kerai, Tengalan

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

2.4.2.5. Jabatan telah memperkenalkan satu kaedah pemuliharaan perikanan darat di mana masyarakat setempat memainkan peranan penting yang dikenali sebagai Kumpulan Pengurusan Ekosistem Perikanan (KPEP). Ia sebagai salah satu langkah melindungi dan memelihara sumber perikanan darat. Masyarakat di zon tersebut berperanan memantau dan melaporkan kepada Jabatan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jabatan pula menjadi penasihat teknikal dan memberi latihan kepada

Jawatankuasa tersebut selain menyediakan papan tanda di zon berkenaan. Pada masa yang sama, penduduk setempat boleh menjana pendapatan melalui program eko-pelancongan di zon KPEP ini. Secara tidak langsung program ini dapat memulihara serta meningkatkan lagi sumber perikanan darat. Sehingga September 2012, sebanyak 10 KPEP telah ditubuhkan di peringkat kampung dan juga komuniti di Negeri Pahang melibatkan sebanyak 7 daerah. Aktiviti KPEP yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 2.23** dan **Gambar 2.24**.

Gambar 2.23
Eko-Pelancongan Di Zon KPEP
Melalui Aktiviti Memancing



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.24
Papan Tanda Disediakan Jabatan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Taman Negeri Endau Rompin, Rompin

2.4.2.6. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam memastikan pemuliharaan perikanan darat ini dapat dilaksanakan dengan berkesan seperti berikut:

a. Aktiviti Menyalahi Undang-undang

i. Penguatkuasaan undang-undang terhadap aktiviti penangkapan ikan adalah termaktub di bawah Kaedah-kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Negeri Pahang seperti berikut:

- Syarat 3.(1)(a)-(c) - adalah menjadi kesalahan menangkap, mengutip, memasang, mengendali, mempunyai atau membenarkan apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa lesen atau permit.
- Syarat 3.(2)(i)-(iii) - cara-cara menangkap ikan yang dilarang adalah jigging, penggunaan peralatan yang ditolak atau ditunda oleh vesel termasuk pukat tunda, jerut dan heret, menggunakan bahan racun, letupan serta peralatan mekanikal dan elektrik.
- Syarat 3.(3) - didapati memiliki ikan yang ditangkap dengan cara menggunakan bahan letupan atau bahan racun dan tidak dapat memberikan keterangan yang munasabah mengenainya.

- Syarat 21.(1) - kesalahan di bawah Kaedah-kaedah ini boleh dikompaun tidak kurang RM100 kecuali kesalahan di bawah Syarat 3.(2) dan 3.(3) di mana kadar kompaun tidak kurang RM500.
- ii. Aktiviti penguatkuasaan dijalankan oleh pegawai penguatkuasa di bawah Unit Perikanan Darat. Semakan Audit mendapati sebanyak 18 kes kesalahan telah dapat dikesan pada tahun 2010, 3 kes tahun 2011 dan 5 kes sehingga September 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak 11 kes atau 42.3% merupakan kesalahan menangkap ikan tanpa lesen. Manakala selainnya adalah kesalahan seperti menggunakan bahan racun dan letupan, peralatan yang tidak dibenarkan serta menangkap ikan di kawasan yang dilarang. Daripada kes tersebut, Jabatan telah berjaya memperoleh hasil kompaun berjumlah RM14,000 manakala peralatan yang digunakan telah dirampas. Butiran kes dan jumlah kompaun dikenakan bagi tempoh 2010 hingga September 2012 adalah seperti di **Jadual 2.9**. **Gambar 2.25** hingga **Gambar 2.28** merupakan perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan menangkap ikan.

Jadual 2.9

Kedudukan Kes Dan Kompaun Bagi Tempoh 2010 Hingga September 2012

Jenis Kesalahan	2010		2011		2012		Jumlah	
	Bil. Kes	Kompaun (RM)	Bil. Kes	Kompaun (RM)	Bil. Kes	Kompaun (RM)	Bil. Kes	Kompaun (RM)
Tanpa Lesen	10	3,100	1	2,000	-	-	11	5,100
Elektrik	2	1,500	-	-	-	-	2	1,500
Meracun	1	2,500	-	-	2	3,700	3	6,200
Pistol Ikan	3	500	-	-	-	-	3	500
Zon Merah	1	200	1	-	-	-	2	200
Zon Larangan	1	300	1	200	-	-	2	500
Peralatan Tanpa Lesen	-	-	-	-	2	0	2	0
Mengebom	-	-	-	-	1	*	1	-
Jumlah	18	8,100	3	2,200	5	3,700	26	14,000

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Nota: * - Dalam Siasatan

Gambar 2.25
Menangkap Ikan Menggunakan Arus Elektrik



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.26
Menangkap Ikan Menggunakan Pistol Ikan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.27
Bahan Yang Digunakan Untuk
Meracun Ikan



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

Gambar 2.28
Peralatan Yang Dirampas
Dijadikan Bahan Kes



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

- iii. Aktiviti menangkap ikan secara melanggar undang-undang ini dilakukan kerana sikap mementingkan diri sendiri dan ingin mengaut keuntungan jangka pendek. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kegiatan ini sebenarnya berlaku secara berleluasa jika dibandingkan dengan kes tangkapan yang berjaya dibuat. Kegiatan menangkap ikan menggunakan peralatan yang dilarang ini kerap berlaku pada musim kemarau di antara Mei hingga September kerana air sungai cetek memudahkan kerja dan mendatangkan hasil yang lebih. Bagaimanapun, Jabatan tidak mampu untuk menangani masalah ini disebabkan kekurangan kakitangan terutamanya yang terlibat dengan tugas penguatkuasaan. Jabatan hanya mempunyai seramai 6 pegawai di Unit Penguatkuasaan daripada 8 perjawatan yang diluluskan. Seramai 4 pegawai di tempatkan di Ibu Pejabat yang bertanggungjawab mengawasi Zon Pahang Timur melibatkan daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Maran. Manakala 2 pegawai lagi ditempatkan di Pejabat Perikanan Daerah Temerloh yang mengawasi Zon Pahang Barat melibatkan daerah Temerloh, Bera, Jerantut, Raub dan Lipis. Tambahan pula Negeri Pahang merupakan negeri yang terluas di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 36,137 kilometer persegi dan mengandungi sebanyak 12 batang sungai utama dengan jarak sepanjang 1,166 kilometer. Ia juga mempunyai 2 tasik iaitu Tasik Bera dengan keluasan 6,150 hektar dan Tasik Chini dengan keluasan 150 hektar. Kekurangan pegawai menyebabkan operasi penguatkuasaan terpaksa dilakukan secara bersama iaitu gabungan Zon Pahang Timur dan Barat. Kedudukan lokasi kes yang jauh dan di pedalaman seperti di Lipis dan Jerantut memerlukan masa yang lama untuk sampai. Keadaan ini memberi kesan kepada operasi kerana semasa sampai di lokasi, perkara yang dilaporkan tidak lagi berlaku.
- iv. Selain itu, Jabatan hanya mempunyai 2 buah kenderaan, 3 buah bot fiber dan 4 buah enjin sangkut. Sebuah kenderaan diperoleh pada tahun 2001 dan ditempatkan di Zon Pahang Timur. Manakala sebuah lagi diperoleh pada tahun 1991 dan ditempatkan di Zon Pahang Barat. Pihak Audit mendapati kenderaan

yang ditempatkan di Zon Pahang Barat ini berkeadaan uzur kerana telah berusia 21 tahun dan tidak lagi sesuai untuk digunakan semasa operasi. Pihak Audit dimaklumkan ia sering mengalami kerosakan terutama semasa operasi sedang dijalankan. Pada tahun 2011 dan 2012, Jabatan ada mengemukakan permohonan peruntukan masing-masing berjumlah RM200,000 untuk membeli 2 buah kenderaan 4WD, 2 unit *Jet Ski* dan 2 buah *Boat Ramp* dalam cadangan bajet namun tidak diluluskan. Sementara itu, hanya 2 buah enjin sangkut yang masih boleh digunakan manakala 2 buah lagi telah rosak. Keadaan ini menyebabkan pergerakan Unit Penguatkuasaan terbatas sehingga menjelaskan operasi yang dirancang. Pelaksanaan operasi yang berkesan memerlukan penggunaan laluan darat dan air. Maklumat kenderaan, bot serta enjin sangkut Unit Penguatkuasaan adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Maklumat Kenderaan, Bot Serta Enjin Sangkut Unit Penguatkuasaan

Bil.	Perkara	No. Pendaftaran	Tarikh Beli	Lokasi	Catatan
1.	Ford Ranger	CBD 4630	25.06.2001	Kuantan (Zon Pahang Timur)	
2.	Pajero	WCN 1855	27.11.1991	Temerloh (Zon Pahang Barat)	Selalu rosak
3.	Bot <i>Fiber Glass</i>	-	13.04.2012	Kuantan (Zon Pahang Timur)	
4.	Bot <i>Fiber Glass</i>	-	2004	Kuantan (Zon Pahang Timur)	
5.	Enjin Suzuki 15K	-	13.04.2012	Kuantan (Zon Pahang Timur)	
6.	Enjin Tohadsu 15K	-	13.04.2012	Kuantan (Zon Pahang Timur)	
7.	2 unit enjin sangkut	-	2004	Kuantan (Zon Pahang Timur)	Masih diguna tetapi selalu mengalami kerosakan.

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri

- v. Jabatan turut menghadapi masalah untuk membuktikan kes walaupun wujud unsur-unsur pelanggaran undang-undang. Ia kerana bahan bukti seperti hasil tangkapan dan peralatan yang digunakan telah dilupuskan semasa operasi dijalankan. Selain itu, maklumat yang diterima kurang tepat menyebabkan operasi gagal dilaksanakan dengan berkesan. Keadaan ini telah menjelaskan usaha Jabatan untuk mengekal dan memulihara perikanan darat dan mengurangkan sumbernya. Spesis ikan yang bernilai tinggi seperti Kelah, Patin Muncung dan Jelawat juga semakin pupus.

vi. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013**, menjelaskan aduan kegiatan menangkap ikan menggunakan peralatan yang dilarang kebiasaannya diterima ketika kegiatan sedang berlaku atau telah berlaku. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk Jabatan menangani masalah ini kerana beberapa faktor seperti berikut:

- **Jarak perjalanan ke lokasi kejadian yang jauh.**
- **Kebiasaannya lokasi kejadian adalah di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan jalan raya yang boleh dilalui dengan kenderaan biasa.**
- **Pelapor tidak memberi maklumat yang lengkap berkaitan kejadian.**
- **Penempatan pegawai dan kakitangan Unit Perikanan Darat berjauhan antara satu sama lain yang mengambil masa lama untuk berkumpul.**
- **Keadaan kenderaan Unit Perikanan Darat yang telah uzur dan sering mengalami kerosakan.**

b. **Pencemaran Sungai**

Perikanan darat bergantung hidup kepada sumber air sungai yang bersih. Usaha pemuliharaan akan terjejas sekiranya berlaku pencemaran air yang disebabkan pelbagai faktor seperti pembuangan bahan terlarang yang mengandungi racun dan toksik terutamanya dari kilang ke sungai. Semakan Audit mendapati berlaku pencemaran sungai disebabkan pembuangan bahan ini yang berpunca daripada kilang. Ia telah menyebabkan ikan mati dalam skala besar. Contoh kes seperti yang berlaku di Sungai Bera pada 19 Ogos 2012 yang disyaki berpunca daripada pembuangan sisa kilang getah ke sungai. Ia mengakibatkan ribuan ikan sangkar dan sungai mati. Manakala kes terbaru berlaku melibatkan Kampung Tanjung Batu dan Kampung Paya Jauh, Temerloh melibatkan Sungai Kuala Temerloh. Didapati air sungai berkenaan teruk tercemar sehingga menjadi warna hitam dan berbau. Jabatan Alam Sekitar mengesahkan ia berpunca daripada pembuangan sisa sebuah kilang kelapa sawit berhampiran. Penduduk memaklumkan bahawa keadaan ini telah berlaku sejak setahun lalu. Akibatnya kehidupan penduduk terjejas dan mendakwa ikan di dalamnya semakin pupus. Pencemaran sungai akibat pembuangan sisa kilang adalah seperti di **Gambar 2.29**, **Gambar 2.30** dan **Keratan Akhbar 2.1**.

Gambar 2.29
Ikan Sangkar Mati Akibat Pembuangan Sisa Kilang Ke Sungai



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Sungai Bera, Bera
Tarikh: 19 Ogos 2012

Gambar 2.30
Ikan Mati Dalam Skala Besar



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Sungai Bera, Bera
Tarikh: 19 Ogos 2012

Keratan Akhbar 2.1
Laporan Akhbar Berkaitan Pencemaran Sungai Kuala Temerloh

Air bertukar hitam
Sungai Kuala Temerloh semakin tercemar

Anuar menurunkan air dari tal air yang bertukar menjadi hitam.

Mohd Sabri (kiri) dan Anuar menunjukkan dua sampel air diambil dari dua tal air berbeza yang mengalir ke anak Sungai Kuala Temerloh dekat Kampung Paya Asah, semalam.

Sumber: Sinar Harian
Tarikh: 8 November 2012

Pada pendapat Audit pengurusan pemuliharaan perikanan darat adalah baik. Bagaimanapun, aktiviti penangkapan ikan secara terlarang masih lagi berleluasa namun untuk membanteras kegiatan ini, Jabatan berhadapan masalah kekurangan Pegawai dan kemudahan logistik.

2.4.3. Pengurusan Pemuliharaan Penyu

2.4.3.1. Jabatan bertanggungjawab dalam memastikan hidupan penyu terus wujud dan terpelihara. Sehubungan itu, Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating (PPSP) telah diwujudkan pada tahun 1998 di bawah pengurusan Jabatan. Pusat ini berfungsi untuk melaksanakan program yang berkaitan seperti pengurusan, penetasan dan pelepasan, pemantauan populasi, penguatkuasaan serta kesedaran awam mengenai penyu. Ia juga dijadikan pusat pelancongan sama ada kepada pelawat tempatan maupun luar negara.

2.4.3.2. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian program melalui pendaratan penyu menunjukkan bilangan penyu yang mendarat semakin berkurang dari tahun 2007 hingga tahun 2011. Bilangan penyu yang mendarat pada tahun 2007 sebanyak 307 ekor, manakala pada tahun 2011 bilangannya menurun kepada 179 ekor. Pengurangan pendaratan ini disebabkan pelbagai faktor antaranya kadar kematian anak penyu yang tinggi, perubahan cuaca serta ancaman manusia. Seiring dengan bilangan pendaratan penyu ini, rekod juga menunjukkan berlaku pengurangan bilangan telur penyu yang dipungut pada tahun 2007 sehingga tahun 2011. Jumlahnya kembali meningkat pada tahun 2012. Manakala bilangan telur penyu yang berjaya ditetaskan turut memberikan gambaran yang sama di mana berlaku pengurangan pada tahun 2007 sehingga tahun 2011. Bagaimanapun sehingga September 2012, didapati berlaku peningkatan terhadap bilangan penyu yang mendarat, telur dipungut dan yang ditetas. Bilangan yang mendarat adalah sebanyak 226 ekor, telur dipungut sebanyak 21,062 biji dan telur yang ditetas sebanyak 14,171 biji. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan faktor pendaratan penyu semakin meningkat pada tahun 2012 adalah hasil daripada penutupan operasi PPSP pada waktu malam. Ia kerana tiada gangguan bising daripada aktiviti manusia.** Anak-anak penyu ini akan dibela sebelum dilepaskan ke laut semasa program kesedaran awam yang dijalankan terutamanya melibatkan pelajar sekolah. Prestasi pendaratan, bilangan telur dipungut serta bilangan telur penyu yang berjaya ditetaskan bagi tempoh 2007 hingga September 2012 adalah seperti di **Jadual 2.11**. Manakala **Gambar 2.31** dan **Gambar 2.32** adalah berkaitan dengan pengurusan penyu di PPSP.

Jadual 2.11
Prestasi Pendaratan Penyu, Telur Dipungut Dan Ditetas
Bagi Tempoh 2007 Hingga September 2012

Tahun	Mendarat	Bilangan Telur	
		Dipungut	Ditetas
2007	307	26,967	20,000
2008	306	28,103	18,860
2009	252	22,859	18,596
2010	189	16,175	11,948
2011	179	15,925	9,565
2012	226	21,062	14,171

Sumber: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating

Gambar 2.31
Tapak Penetasan Penyu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 2.32
Program Pelepasan Anak Penyu
Oleh Murid Sekolah



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating

2.4.3.3. Semakan Audit mendapati kehadiran pelawat secara keseluruhannya ke PPSP agak seimbang setiap tahun iaitu purata seramai 53,000 orang setahun dengan purata kehadiran pelawat tempatan adalah seramai 44,000 orang setahun. Bagaimanapun, kehadiran pelawat daripada luar negara menunjukkan pengurangan iaitu daripada seramai 12,152 orang pada tahun 2007 kepada 8,308 orang pada tahun 2011. Butiran kehadiran pelancong bagi tempoh 2007 hingga September 2012 adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Prestasi Kehadiran Pelawat Bagi Tempoh 2007 Hingga September 2012

Tahun	Bilangan Pelawat		Jumlah
	Tempatan	Luar Negara	
2007	38,781	12,152	50,933
2008	39,147	10,809	49,956
2009	46,983	7,695	54,678
2010	52,693	8,219	60,912
2011	44,189	8,308	52,497
2012	33,510	5,929	39,439

Sumber: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating

2.4.3.4. Pelawat tempatan adalah terdiri daripada pelajar sekolah, pihak swasta dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO). Manakala pelawat luar negara datang dari pelbagai negara terutamanya yang datang menginap di resort yang terletak bersebelahan PPSP ini. Penurunan bilangan pelawat luar negara adalah disebabkan kurangnya publisiti oleh pihak PPSP yang berpunca daripada kekurangan peruntukan. Selain itu, didapati keadaan bangunan PPSP ini sendiri yang kecil hanya mampu mewujudkan ruang muzium berkaitan penyu yang terhad. PPSP juga tidak disenggarakan dengan baik serta kekurangan kemudahan awam. Peralatan seperti kipas angin telah usang dan juga seunit alat penghawa dingin di dalam bilik tayangan video telah rosak menjelaskan keselesaan pelawat. PPSP tidak mampu untuk menyenggara dan membuat pembelian baru disebabkan kekurangan peruntukan yang diterima. Pada tahun 2010, PPSP menerima

peruntukan berjumlah RM100,000. Peruntukan tersebut digunakan untuk pembelian makanan penyu, peralatan, penyenggaraan dan mengadakan program kesedaran. PPSP juga terpaksa membayar elau sejumlah RM28 sehari kepada 2 orang Petugas Kaunter, 4 orang Renjer dan seorang Tukang Kebun yang kesemuanya dilantik secara sambilan. Khidmat Renjer amat diperlukan kerana bertugas untuk mengawasi dan memantau pendaratan penyu di 3 zon pantai PPSP. Keadaan PPSP semakin uzur dan perlu pembaikan. Pada tahun 2011, PPSP menerima peruntukan berjumlah RM30,000 daripada Pejabat Kewangan Negeri. Peruntukan ini hanya mencukupi bagi pembelian makanan penyu sahaja. Pada tahun 2012 pula, PPSP menerima sejumlah RM150,000 peruntukan daripada Pejabat Kewangan Negeri yang disalurkan melalui Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser. Peruntukan ini digunakan bagi tujuan membaik pulih kerosakan besar seperti pagar dan bangunan. Sumbangan yang diterima daripada individu dan juga pihak swasta sedikit sebanyak membantu PPSP ini. Keadaan PPSP adalah seperti di **Gambar 2.33** hingga **Gambar 2.36**.

Gambar 2.33
Kipas Angin Berkeadaan Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 2.34
Penghawa Dingin Di Bilik Tayangan Video Telah Rosak



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating

Gambar 2.35
Cat Pada Kayu Yang Telah Luntur Mencacatkan Pandangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 2.36
Muzium Penyu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating
Tarikh: 11 September 2012

2.4.3.5. Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 7 Januari 2013, menjelaskan PPSP yang berusia lebih 14 tahun memerlukan pembaikan yang menyeluruh dan menjadi ikon pelancongan di Negeri Pahang. Lokasinya terletak di kawasan perkelahan/pelancongan Cherating yang sudah terkenal kepada pelancong tempatan dan luar negara.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemuliharaan penyu adalah kurang memuaskan kerana PPSP kekurangan peruntukan bagi menampung kos makanan, pemeliharaan serta meningkatkan taraf PPSP sebagai pusat pelancongan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Projek Akuakultur, Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Dan Penyu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, pihak Audit mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri/Jabatan Perikanan Negeri mengambil langkah-langkah seperti berikut:

2.5.1. Memberi peruntukan yang lebih besar di bawah Program Perikanan Jabatan dalam memastikan objektif untuk meningkat pengeluaran sumber ikan, pemuliharaan sumber perikanan darat dan penyu tercapai.

2.5.2. Memberi bantuan akuakultur hanya kepada pengusaha yang benar-benar serius untuk menjalankan projek tersebut.

2.5.3. Memantau pembangunan ZIA bagi memastikan ia dilaksanakan dengan segera.

2.5.4. Menambah bilangan pegawai penguatkuasa bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Manakala kemudahan logistik seperti kenderaan, bot dan enjin perlu ditambah bagi kegunaan operasi penguatkuasaan dan pemantauan.

2.5.5. Mempertingkatkan kemudahan dan penyenggaraan Pusat Penerangan Dan Santuari Penyu Cherating bagi memastikan ia menjadi pusat tumpuan pelancong.

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

3. PENGURUSAN PROGRAM PENGGALAKAN DAN PROMOSI PELANCONGAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Negeri Pahang mempunyai 54 buah destinasi pelancongan termasuk 27 destinasi bertaraf antarabangsa. Antara destinasi utama pelancongan Negeri Pahang ialah Genting Highlands, Cameron Highlands, Cherating, Taman Negara, Pulau Tioman dan Bukit Fraser. Pembangunan pelancongan dilaksanakan berdasarkan kepada 3 zon iaitu Zon Tanah Tinggi, Zon Ekologi dan Zon Pesisiran Pantai/Pulau. Zon Tanah Tinggi merangkumi kawasan tanah tinggi dari Daerah Cameron Highlands, Lipis, Raub sehingga ke Daerah Bentong. Zon Ekologi merentasi kawasan Pahang Tengah dari Daerah Lipis, Jerantut, Temerloh, Maran, Kuantan, Pekan, Bera dan Rompin yang mana kebanyakannya tempat-tempat tarikan adalah kawasan hutan dan semula jadi. Manakala, Zon Pesisiran Pantai/Pulau terletak di sebelah timur Negeri Pahang meliputi Daerah Kuantan, Pekan dan Rompin.

3.1.2. Pelan pembangunan pelancongan telah dirangka dalam Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang [*Pahang Tourism Transformation Plan (PTTP)*] bagi tempoh 2011 hingga 2015. Visi PTTP adalah untuk menjadikan Negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan utama menjelang tahun 2015. Antara aktiviti yang dijalankan bagi mencapai objektif ini ialah dengan mengambil bahagian di dalam pameran/karnival pelancongan, mengemaskinikan dan meningkatkan kualiti maklumat pelancongan seperti risalah dan poster serta mengadakan persembahan multimedia. Selain itu, *Familiarization Tour* kepada para wartawan, penulis, jurugambar dan para operator pelancongan dari dalam dan luar negara turut diadakan.

3.1.3. Kerajaan Negeri telah menyerahkan tanggungjawab untuk melaksanakan program penggalakan dan promosi pelancongan di Negeri Pahang kepada Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF). Manakala Lembaga Pembangunan Tioman (LPT) turut menerima peruntukan untuk menganjurkan beberapa acara pelancongan di Pulau Tioman. Pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.2 juta setiap tahun untuk melaksanakan program penggalakan dan promosi pelancongan yang mana RM0.9 juta diperuntukkan untuk PKBF dan RM0.3 juta untuk LPT. Jumlah yang telah dibelanjakan pada tahun 2010, 2011 dan sehingga September 2012 adalah sejumlah RM1.17 juta, RM1.13 juta dan RM0.80 juta masing-masing.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program penggalakan dan promosi pelancongan telah dilaksanakan dengan cekap dan telah memberi impak positif kepada industri pelancongan negeri.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan program penggalakan dan promosi pelancongan yang dilaksanakan oleh BPEN, PKBF dan LPT bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa rekod, fail dan dokumen yang berkaitan serta menganalisis data berkaitan pelancongan. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang terlibat. Di samping itu, lawatan ke 5 lokasi produk pelancongan di 3 zon turut dilakukan iaitu Zon Tanah Tinggi di Bukit Fraser, Daerah Raub, Zon Ekologi di Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis, Taman Negara, Daerah Jerantut dan Taman Negeri Endau Rompin, Daerah Rompin serta Zon Pesisiran Pantai/Pulau di Pulau Tioman, Daerah Rompin. Selain itu, sebanyak 220 soal selidik mengenai keberkesanan program penggalakan dan promosi pelancongan meliputi setiap lokasi produk pelancongan juga telah diedarkan untuk mendapatkan maklumat daripada orang awam/pelancong.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program Penggalakan Dan Promosi Pelancongan adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Penilaian terhadap kemudahan pelancongan tidak dilaksanakan.
- Pengurusan produk pelancongan kurang memuaskan.

3.4.1. Pencapaian Sasaran Pelancong

3.4.1.1. Pada tahun 2010 hingga 2012, jumlah sasaran kedatangan pelancong ke Negeri Pahang ialah 30.75 juta orang. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, jumlah pelancong sebenar yang berkunjung ialah 9.54 juta orang iaitu 95.4% daripada sasaran. Pada tahun 2011 pula, jumlah pelancong yang datang ialah 9.68 juta orang iaitu 92.2% daripada sasaran. Sehingga September 2012, jumlah pelancong yang datang ialah 7.01 juta orang iaitu 68.4% daripada sasaran. Maklumat lengkap adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

Pencapaian Sasaran Kedatangan Pelancong Domestik Dan Antarabangsa Ke Negeri Pahang Bagi Tempoh 2010 Hingga September 2012


Tahun	Sasaran (Juta Orang)	Pencapaian Kedatangan Pelancong			
		Domestik (Juta Orang)	Antarabangsa (Juta Orang)	Jumlah (Juta Orang)	Peratus (%)
2010	10.00	7.38	2.16	9.54	95.4
2011	10.50	7.29	2.39	9.68	92.2
2012	10.25	4.87	2.14	7.01	68.4
Jumlah	30.75	19.54	6.69	26.23	85.3

Sumber: PKBF

3.4.1.2. Peratusan kehadiran pelancong yang baik ini terbukti dengan maklum balas yang diberi oleh para pelancong daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada orang awam/pelancong di 5 lokasi pelancongan iaitu Bukit Fraser, Pulau Tioman, Taman Negeri Endau Rompin, Taman Rimba Kenong dan Taman Negara. Hasil analisis terhadap 220 responden mendapati, majoriti responden telah memberi maklum balas yang baik dan memuaskan mengenai aspek kemudahan pengangkutan, keadaan tempat dilawati, kemudahan dan infrastruktur awam, perkhidmatan pelancongan dan promosi seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1

Peratus Kepuasan Pelancong Terhadap Lokasi Pelancongan Yang Dilawati



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.1.3. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kehadiran pelancong yang baik adalah seperti wujudnya produk-produk pelancongan yang berjaya dan terkenal di peringkat antarabangsa, penganjuran acara pelancongan oleh PKBF dan LPT ataupun diuruskan pihak lain (pengurus acara) setiap tahun serta promosi yang meluas melalui laman sesawang. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Taman Negara merupakan sebuah destinasi ekopelancongan terkenal di Malaysia. Daya tarikan yang boleh ditemui adalah seperti Gunung Tahan, laluan

kanopi, kembara hutan dan santuari ikan Kelah. Selain itu, Taman Negara mempunyai bumbun yang dibina khas untuk meninjau haiwan liar seperti harimau, tenuk, gajah dan rusa. Laluan kanopi dan bumbun seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Tarikan Utama Di Taman Negara
- Laluan Kanopi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara, Daerah Jerantut
Tarikh: 10 September 2012

Gambar 3.2
Bumbun Untuk Meninjau
Haiwan Liar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negara, Daerah Jerantut
Tarikh: 10 September 2012

- b. Pulau Tioman mempunyai pelbagai daya tarikan seperti keindahan pantai dan hidupan laut yang menjadi tarikan kepada pelancong untuk melakukan aktiviti laut seperti *snorkeling* dan menyelam skuba. Selain itu, pelancong juga boleh melakukan aktiviti daratan seperti rekreasi air terjun dan kembara hutan. Tarikan utama di Pulau Tioman adalah seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**.

Gambar 3.3
Aktiviti Snorkeling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Tulai, Tioman
Tarikh: 5 Julai 2012

Gambar 3.4
Rekreasi Air Terjun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Air Terjun Asah, Pulau Tioman
Tarikh: 4 Julai 2012

- c. Bukit Fraser adalah salah satu tarikan tanah tinggi yang menjadi pilihan pengunjung ke Negeri Pahang. Daya tarikan yang terdapat di lokasi ini ialah seperti kembara hutan ke Abu Suradi *Trails* dan *Hemmant Trails*, tasik *Allan Water*, menunggang kuda dan memanah di *Paddock* serta rekreasi di Air Terjun

Jeriau. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5
Aktiviti Kembara Hutan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Fraser, Raub
Tarikh: 22 Jun 2012

Gambar 3.6
Aktiviti Di Tasik Allan Water



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Fraser, Raub
Tarikh: 22 Jun 2012

3.4.1.4. PKBF dan LPT terlibat dalam menganjurkan acara-acara pelancongan bertaraf antarabangsa. Objektif acara ini adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam setiap program dan acara yang dianjurkan. Mengikut Laporan Acara yang disediakan oleh PKBF dan LPT, kedua-dua acara iaitu Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa di Bukit Fraser dan *Royal Pahang Billfish* yang diadakan di Rompin telah mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan dan luar negara. Penyertaan dari luar negara seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Australia, Jepun, China, Scotland, Norway dan Malaysia sendiri amat menggalakkan. Selain daripada acara tersebut, pelbagai aktiviti seperti pameran, gerai jualan, sukaneka dan pertunjukan yang diadakan telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Pahang. Antara acara pelancongan tahunan yang dilaksanakan setiap tahun adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Acara Pelancongan Yang Dilaksanakan Oleh PKBF Dan LPT
Pada Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Acara Pelancongan	2010	2011	2012
1.	Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser	✓	✓	✓
2.	<i>International Surfing Competition Cherating</i>	✓	✓	✓
3.	Sultan Ahmad Shah Tioman <i>International Challenge</i>	✓	✓	✓
4.	<i>Start In Tioman (SIT) & COT's Expedition</i>	✓	✓	✓
5.	<i>Royal Pahang Billfish International Challenge</i>	✓	✓	✓
6.	<i>Bicycle Mania</i>	✓	✓	✓

Sumber: PKBF Dan LPT
Nota: ✓ - Dilaksanakan

3.4.1.5. Kejayaan acara Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa turut disiarkan dalam laman sesawang akhbar *The Star Online* pada 4 Julai 2012. Acara Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa dan *Royal Pahang Billfish* seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8** serta **Keratan Akhbar 3.1**.

Gambar 3.7
Acara Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Fraser, Raub
Tarikh: 23 Jun 2012

Gambar 3.8
Acara Royal Pahang Billfish



Sumber: Laman Sesawang LPT
Lokasi: Kuala Rompin
Tarikh: 14 September 2012

Keratan Akhbar 3.1
Liputan Acara Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa

A treat for bird watchers

By NIK NAIZI HUSIN
niknaizi@thestar.com.my

Universal Studios Package

From RM165 Only plus Hotel Stay Great Theme Park Family Fun
[sota.travel](#)

AdChoices ▶

BUKIT FRASER: The virtually untouched tropical jungle of Bukit Fraser has again become the gathering spot for local bird lovers throughout the country and foreigners who attended the Fraser's Hill International Bird Race Competition held here recently.

Some 150 participants comprising students and adults from as far as Singapore took the time off from their busy schedules to appreciate the flora and fauna while sighting and recording the various types of species found in the jungle.

The contest was open to two categories — novice and advance. The teams that identified and recorded the highest number of species would win the race.

There were a few ground rules, however. The contestants were warned to ensure the welfare of the birds — none should be trapped or injured at any time.




What do you see?: Ng and the VIPs after the official launch of the Fraser's Hill International Bird Race Competition.

In addition, they were strictly prohibited from using audio equipment and to communicate with other competitors regarding the

Sumber: Laman Sesawang Akhbar *The Star Online*
Tarikh: 4 Julai 2012

3.4.1.6. Selain itu, promosi juga telah dibuat dengan mengadakan laman sesawang iaitu www.pahangtourism.org.my oleh PKBF. Laman sesawang tersebut adalah menarik, interaktif dan penuh informasi serta mengandungi maklumat berkaitan destinasi pelancongan antaranya Genting Highlands, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Taman Negara. Skrin laman sesawang adalah seperti di **Gambar 3.9**.



**Gambar 3.9
Skrin Laman Sesawang Pelancongan PKBF**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Laman Sesawang PKBF

Tarikh: 28 September 2012

3.4.2. Pengurusan Produk Pelancongan

Produk-produk pelancongan di Negeri Pahang hendaklah dibangunkan berpandukan kepada Konsep K2M yang telah digariskan dalam Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang [*Pahang Tourism Transformation Plan (PTTP)*] iaitu Kualiti, Menarik dan Memikat. Unsur Kualiti memberi fokus terhadap memberikan nilai untuk pelanggan. Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai ialah masa, kos dan kompetensi. Unsur Menarik pula memberi fokus terhadap memberikan pelancong sebab untuk datang berkunjung ke Negeri Pahang. Ia boleh ditakrifkan melalui unsur 4A iaitu *Attractions/Tarikan*, *Amenities/Kemudahan Asas*, *Accommodation/Penginapan* dan *Accessibility/Kebolehsampaian*. Manakala, Unsur Memikat memberi fokus kepada memberikan pelancong sebab untuk kembali berkunjung ke Negeri Pahang. Ia boleh ditakrifkan melalui unsur 4S iaitu *Services/Perkhidmatan*, *Safety/Keselamatan*, *Storyline/Jalan Cerita* dan *Sightseeing/Bersiar-siar*. Semakan Audit mendapati:

3.4.2.1. Penilaian Terhadap Kemudahan Pelancongan Tidak Dilaksanakan

- a. Satu penilaian ke atas kemudahan pelancongan telah dicadang untuk dilaksanakan dalam PTTP. Penilaian tersebut akan dilaksanakan secara menyeluruh berpandukan Unsur Menarik dan Memikat bagi 10 destinasi utama pelancongan iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands, Kuala Lipis, Pekan, Kuala Gandah, Rompin, Cherating, Taman Negara, Pulau Tioman dan Bukit Fraser tidak lewat dari Oktober 2011. Semakan Audit mendapati, penilaian kemudahan pelancongan belum dilaksanakan oleh PKBF. Bagaimanapun, Jabatan PERHILITAN ada menyediakan senarai semak pelancongan di Taman Negara.
- b. **Maklum balas daripada PKBF bertarikh 14 Januari 2013, memaklumkan penilaian kemudahan pelancongan telah dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Negeri yang diadakan setiap 2 bulan.**

3.4.2.2. Kemudahan Produk Pelancongan Kurang Memuaskan

Lawatan Audit ke 4 lokasi pelancongan mendapati perkara seperti berikut:

a. Pulau Tioman, Daerah Rompin

- i. Kemudahan di Air Terjun, Kampung Asah seperti bangunan kedai tidak beroperasi dan surau pula tidak disenggara seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**. **Maklum balas daripada LPT bertarikh 2 Januari dan 15 Februari 2013, memaklumkan kerja-kerja penyenggaraan jalan masuk dan tandas di kawasan Air Terjun Asah telah dilaksanakan dalam bulan Mei 2012. Penyenggaraan surau di kawasan ini pula telah dilaksanakan secara dalaman oleh LPT pada bulan September 2012 dan penyenggaraan seterusnya akan dibuat secara berkala dalam tempoh 3 bulan sekali.** Selain itu, terdapat 3 unit gerai yang mula beroperasi pada tahun 2004. Pada mulanya, semua gerai ini telah disewakan dan beroperasi. Bagaimanapun, operasi gerai ini hanya bertahan selama 2 tahun sahaja kerana masalah kekurangan pelanggan di mana kebanyakan pelancong yang datang ke Air Terjun Asah akan membawa bekalan sendiri atau dibekalkan oleh pihak hotel secara pakej (*Fullboard*). Di samping itu, peniaga terpaksa berulang-alik dari Kg. Mukut serta sering berlaku kecurian. Pada masa ini, hanya sebuah gerai yang beroperasi dan peniaga tidak menjalankan perniagaan sepanjang masa. LPT telah mengadakan perbincangan awal dengan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Mukut pada 16 Januari 2013 bagi mendapatkan penyelesaian yang berkesan ke atas isu yang dibangkitkan ini.

Gambar 3.10
Bangunan Kedai Yang Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Asah, Pulau Tioman
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 3.11
Keadaan Dalam Surau Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Asah, Pulau Tioman
Tarikh: 4 Julai 2012

- ii. Mercu tanda di Kompleks Terminal, Kampung Tekek berada dalam keadaan uzur dan tidak disenggara. Tempat ini akan menjadi tumpuan pelancong yang baru

tiba ke Pulau Tioman kerana ia adalah tempat menunggu kenderaan untuk membawa mereka ke tempat penginapan. Di sini, terdapat mercu tanda yang mengandungi sejarah Pulau Tioman yang boleh dibaca oleh pelancong. Keadaan mercu tanda dan terminal adalah seperti di **Gambar 3.12. Maklum balas daripada LPT bertarikh 2 Januari dan 15 Februari 2013, memaklumkan LPT telah mengambil tindakan awal dengan menyediakan pelan reka bentuk bagi menaik taraf Kompleks Terminal ini pada tahun 2013.**

Gambar 3.12
Mercu Tanda Di Kampung Tekek Yang Uzur Dan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tekek, Tioman
Tarikh: 5 Julai 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tekek, Tioman
Tarikh: 5 Julai 2012

iii. Papan tanda penunjuk arah bangunan kedai makan dan cenderahati di Terminal, Kampung Tekek tidak disediakan seperti di **Gambar 3.13**. Maklum balas daripada pelancong menyatakan mereka tidak tahu tentang wujudnya kedai ini kerana kedudukannya yang agak terlindung di belakang Terminal melainkan diberitahu oleh penduduk setempat. Selain itu, tingkat atas Kompleks Gerai di Kampung Salang tidak beroperasi seperti di **Gambar 3.14**.

Gambar 3.13
Kedai Makan Dan Kedai Cenderahati Di Kampung Tekek Yang Terlindung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tekek, Pulau Tioman
Tarikh: 3 Julai 2012

Gambar 3.14
Keadaan Bahagian Atas Gerai Di Kampung Salang Yang Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Salang, Pulau Tioman
Tarikh: 4 Julai 2012

- iv. Kemudahan lain seperti bangku di kawasan Taman Laut, tandas awam di Kompleks Gerai Kampung Salang dan penghadang keselamatan di hadapan Dataran Tioman tidak disenggara seperti di **Gambar 3.15** dan **Gambar 3.16**. **Maklum balas daripada LPT bertarikh 2 Januari 2013, memaklumkan bangku di kawasan Taman Laut dan penghadang keselamatan di hadapan Dataran Tioman merupakan sebahagian projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) yang telah diserahkan kepada LPT pada tahun 2010. LPT sedang mengenal pasti keperluan penyenggaraan ke atas keseluruhan kawasan projek ini untuk tujuan pelaksanaan pada tahun 2013.**

**Gambar 3.15
Bangku Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tekek, Pulau Tioman
Tarikh: 3 Julai 2012

**Gambar 3.16
Keadaan Penghadang Keselamatan
Yang Rosak**




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tekek, Pulau Tioman
Tarikh: 4 Julai 2012

b. Bukit Fraser, Daerah Raub

- i. Aktiviti rekreasi seperti menunggang kuda, memanah dan *woodball* ada disediakan di kawasan *Paddock*. Pemerhatian Audit mendapati aktiviti menunggang kuda dan memanah sahaja yang beroperasi. Manakala, aktiviti *woodball* tidak beroperasi sedangkan ia masih dinyatakan dalam papan promosi. **Maklum balas daripada PKBF bertarikh 4 Januari 2013, memaklumkan PKBF akan meletak papan tanda mengenai penutupan Laman *Woodball* dan tidak bercadang untuk membukanya semula memandangkan berlakunya tanah runtuh di kawasan tersebut. PKBF bercadang menawarkan tempat tersebut kepada usahawan yang berminat bagi menjalankan aktiviti luar seperti *wall climbing*, *flying fox* dan lain-lain.** Promosi *woodball* seperti di **Gambar 3.17** dan keadaan Padang *Woodball* yang tidak digunakan seperti di **Gambar 3.18**.

Gambar 3.17
Papan Promosi Yang Memasukkan Woodball Sebagai Salah Satu Aktiviti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Fraser, Daerah Raub
Tarikh: 23 Jun 2012

Gambar 3.18
Padang Woodball Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Fraser, Daerah Raub
Tarikh: 23 Jun 2012

- ii. Air Terjun Jeriau adalah salah satu tarikan utama di Bukit Fraser. Bagaimanapun, ia tidak dapat dilawati kerana jalan ke lokasi tersebut ditutup sejak pertengahan Februari 2012 disebabkan tanah runtuh. Papan tanda yang menunjukkan jalan ditutup adalah seperti di **Gambar 3.19. Maklum balas daripada PKBF bertarikh 4 Januari 2013, memaklumkan Jabatan Kerja Raya Negeri telah meluluskan peruntukan untuk membaiki tanah runtuh ini. Kerja-kerja pembaikan akan dilakukan pada tahun 2013.**



c. Taman Rimba Kenong, Daerah Kuala Lipis

- i. Taman Rimba Kenong adalah di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) yang bertanggungjawab menyenggara produk pelancongan di taman tersebut. Jalan masuk ke Taman Rimba Kenong hanya boleh dilalui menerusi jalan darat dari bandar Kuala Lipis - Felda Kechau sejauh 15 km dengan menggunakan kenderaan pacuan 4 roda sahaja atau menaiki bot melalui Sungai Jelai dari Kampung Tanjung Besar, Kuala Lipis. Lawatan Audit mendapati jalan masuk ke Taman Rimba Kenong berada dalam keadaan kurang baik meskipun untuk kenderaan pacuan 4 roda seperti di **Gambar 3.20. Maklum balas daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) bertarikh 17**

Disember 2012, memaklumkan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengeluarkan tawaran untuk menaik taraf jalan dari Felda Kechau ke Kampung Kuala Kenong untuk kemudahan penduduk di kawasan tersebut. Jalan tersebut akan turut menjadi laluan alternatif penduduk setempat dan pelancong untuk pergi ke Taman Rimba Kenong selain menggunakan jalan sedia ada. Ia turut membantu mengatasi masalah lebihan kemasukan kenderaan pelancong melalui jalan sedia ada dan seterusnya mengurangkan kadar kerosakan jalan tersebut.



**Gambar 3.20
Keadaan Jalan Masuk Taman Rimba Kenong**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 13 September 2012

- ii. Taman Rimba Kenong mempunyai 9 gua batu kapur yang menarik untuk dilawati. Antaranya Gua Kesong, Gua Hijau, Gua Harimau, Gua Batu Tinggi, Gua Batu Tangga dan Gua Buta. Di dalam gua-gua tersebut, terdapat formasi stalaktit dan stalagmit yang berbagai bentuk menyerupai buaya, ular dan sebagainya. Bagaimanapun, papan tanda yang terdapat di gua telah pudar dan tidak mempunyai *Storyline* yang menceritakan maklumat mengenai gua tersebut. *Storyline* yang mengandungi penceritaan tentang lokasi akan menjadikan tempat yang dilawati lebih menarik kepada pelancong. Sebagai contoh, Gua Batu Tinggi dikatakan menyerupai bentuk sebuah sampan yang membawa utusan raja dan disumpah menjadi batu. Selain itu, Gua Batu Tangga menyerupai tangga *Coliseum Greek* purba. **Maklum balas daripada JPNP bertarikh 17 Disember 2012, memaklumkan cadangan pembinaan storyline mengenai maklumat Gua Kesong dan Gua Buta di Taman Rimba Kenong telah diambil maklum dan dalam tindakan JPNP.** Keadaan papan tanda gua adalah seperti di Gambar 3.21 dan Gambar 3.22.

Gambar 3.21
Papan Tanda Gua Kesong Yang Pudar
Dan Tiada Storyline



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 13 September 2012

Gambar 3.22
Papan Tanda Gua Buta Yang Pudar
Dan Tiada Storyline



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 13 September 2012

- iii. Asrama tidak dapat digunakan kerana telah rosak seperti di **Gambar 3.23**.
Maklum balas daripada JPNP bertarikh 17 Disember 2012, memaklumkan JPNP akan mempertimbangkan kelulusan sejumlah peruntukan untuk menggantikan asrama yang sedia ada berdasarkan kelulusan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013. Kelulusan adalah berdasarkan kadar kerosakan asrama yang terlalu teruk akibat daripada serangan serangga perosak (anai-anai) dan dijangka akan dimulakan pada tahun 2013. Selain itu, kerosakan calet yang sedia ada masih berada pada tahap yang boleh dikawal dan disenggara. Oleh itu, rawatan anai-anai akan dilakukan pada awal tahun hadapan bagi mengawal serangan serangga perosak tersebut.



Gambar 3.23
Keadaan Asrama Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 13 September 2012

- iv. Jambatan kayu yang terdapat di Taman Rimba Kenong telah rosak tetapi masih digunakan oleh pekerja dan pelancong. **Maklum balas daripada JPNP bertarikh 4 Februari 2013 memaklumkan tindakan penyenggaraan jambatan tersebut telah dibuat pada tahun 2013. Keadaan jambatan kayu yang rosak sebelum dan selepas disenggara seperti di Gambar 3.24.**

Gambar 3.24

Jambatan Kayu Yang Rosak

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 13 September 2012

Jambatan Kayu Telah Dibaiki

Selepas



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
Lokasi: Taman Rimba Kenong, Daerah Lipis
Tarikh: 4 Februari 2013

d. Taman Negeri Endau Rompin, Daerah Rompin

- i. Taman Negeri Endau Rompin juga di bawah seliaan JPNP. Calet dan kemudahan-kemudahan di Taman Negeri Endau Rompin diuruskan oleh operator (pengusaha) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, didapati calet dan kemudahan tersebut tidak disenggara dan rosak seperti di **Gambar 3.25** hingga **Gambar 3.27**.

Gambar 3.25
Keadaan Calet Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Endau Rompin, Rompin
Tarikh: 20 September 2012



Gambar 3.26
Keadaan Bawah Calet Yang Diserang Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Endau Rompin, Rompin
Tarikh: 20 September 2012

Gambar 3.27
Tangga Dan Pelantar Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Endau Rompin, Rompin
Tarikh: 20 September 2012

- ii. **Maklum balas daripada JPNP bertarikh 17 Disember 2012, memaklumkan pengurusan Taman Negeri Endau Rompin telah diserahkan kepada operator swasta melalui kaedah pajakan. Operator tersebut berperanan mengurus dan menyenggara setiap pembangunan serta kemudahan yang terdapat di Taman Negeri selain dibenarkan mengambil bayaran daripada pengunjung. Bagaimanapun, didapati sepanjang tempoh pajakan prestasi operator berada pada tahap sederhana dan tiada kemajuan dari segi pengurusan dan penyenggaraan infrastruktur. Oleh yang demikian, JPNP telah menamatkan kontrak pajakan operator tersebut pada Julai 2012. Justeru itu, pengurusan Taman Negeri telah diambil alih semula oleh JPNP buat sementara waktu sehingga proses tender untuk pelantikan operator baru dipilih dan kerja-kerja penyenggaraan serta pembangunan sedang giat dijalankan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan produk pelancongan adalah kurang memuaskan kerana penilaian terhadap kemudahan pelancongan tidak dilaksanakan dan perlu diperbaiki. Selanjutnya Kriteria Menarik dan Memikat seperti yang dinyatakan dalam PTTP tidak dapat dipenuhi disebabkan penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan secara berkala. Keadaan ini akan menjaskan imej tempat-tempat berkenaan sebagai destinasi pelancongan dan mendatangkan kesulitan kepada pelancong yang berkunjung.

3.4.3. Pelaksanaan Pameran, Eksposisi Pelancongan Dan Lawatan

Pada setiap tahun, PKBF menyediakan rancangan untuk mengadakan eksposisi pelancongan di dalam dan luar negara, misi jualan dan promosi pelancongan ke luar negara serta lawatan sambil belajar. PKBF telah membelanjakan sejumlah RM0.9 juta untuk aktiviti promosi setiap tahun. Analisis Audit mendapati:

3.4.3.1. Pada tahun 2010 hingga 2012, jumlah program yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 32 program. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Pelaksanaan Pameran, Eksposisi Pelancongan Dan Lawatan
Pada Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Jenis Program	Tahun			Jumlah
		2010	2011	2012	
1.	Misi Jualan Dan Promosi Pelancongan Negeri Pahang	1	1	1	3
2.	Eksposisi Pelancongan	8	7	10	25
3.	Lawatan Sambil Belajar	1	2	1	4
Jumlah		10	10	12	32

Sumber: PKBF

3.4.3.2. Peruntukan yang tidak mencukupi adalah merupakan kekangan kepada PKBF dan LPT untuk melaksanakan program penggalakan dan promosi yang lebih agresif seperti mengadakan pameran dan misi pemasaran antarabangsa ke luar negara. Jumlah peruntukan yang diterima oleh PKBF dan LPT daripada Kerajaan Negeri adalah RM1.2 juta setiap tahun. Perbandingan dengan peruntukan yang diterima oleh negeri-negeri lain menunjukkan peruntukan yang diterima Negeri Pahang adalah jauh lebih rendah. Analisis perbandingan menunjukkan peruntukan yang diterima oleh Negeri Pahang adalah 5% daripada peruntukan Negeri Sabah dan 26.7% daripada Negeri Johor. Maklumat lengkap adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Analisis Perbandingan Peruntukan Dengan Negeri Lain Pada Tahun 2012

Bil.	Negeri	Anggaran Peruntukan Yang Diterima Tahun 2012 (RM Juta)	Peratus Peruntukan Negeri Pahang Daripada Negeri Lain (%)
1.	Sabah	24.00	5.0
2.	Perak	18.00	6.7
3.	Terengganu	6.00	20.0
4.	Johor	4.50	26.7

Sumber: PKBF

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri wajar menimbangkan untuk menambah peruntukan bagi tujuan mengadakan pameran dan eksposisi pelancongan supaya pameran tersebut dapat dijalankan dengan lebih agresif bagi memastikan Pahang menjadi destinasi pelancongan utama tahun 2015.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan program penggalakan dan promosi pelancongan, adalah disyorkan supaya PKBF dan LPT serta pihak yang terlibat mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1. Melaksanakan penilaian kemudahan pelancongan yang telah digariskan dalam PTTP bagi menjadikan Pahang sebagai destinasi pelancongan utama menjelang tahun 2015.

3.5.2. Mengadakan perbincangan dengan pihak yang terlibat bagi memastikan kriteria 4A (*Attractions, Amenities, Accommodation* dan *Accessibility*) dan kriteria 4S (*Services, Safety, Storyline* dan *Sightseeing*) dipenuhi dalam produk pelancongan supaya produk-produk pelancongan ini memberi keselesaan dan menarik pelancong untuk datang dan kembali berkunjung ke Negeri Pahang.

3.5.3. Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan promosi selaras dengan matlamat kerajaan negeri menjadikan negeri sebagai destinasi utama pelancongan tahun 2015.

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

4. PENGURUSAN PENGELOUARAN SIJIL PENGESAHAN TANDA HALAL

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sijil Pengesahan Tanda Halal) 1998 telah dikeluarkan atas nasihat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi memberi pengiktirafan dan jaminan bahawa makanan atau produk yang dimakan atau diguna adalah halal, suci dan berkualiti. Sebagaimana Subkaedah 3, satu Jawatankuasa Kajian Makanan Dan Bahan Gunaan Orang Islam Negeri Pahang (Jawatankuasa) di bawah pentadbiran MUIP yang diurussetiakan oleh Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini antara lainnya bertanggungjawab dalam proses pengeluaran Sijil Pengesahan Tanda Halal (Sijil) dan Logo Halal, menjalankan kajian terhadap makanan dan barang yang digunakan oleh orang Islam, pemantauan terhadap premis yang memohon/memperbaharui Sijil serta mewujudkan satu sistem pengesahan Sijil yang seragam bagi Negeri Pahang.

4.1.2. Pada Mac 2006, satu mesyuarat bersama YAB Menteri Besar/Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah membuat keputusan hanya Logo Halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh diterima bagi tanda halal pada produk dan makanan di seluruh negeri. Penyeragaman pensijilan halal Malaysia ini adalah antara JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri merangkumi pelaksanaan penyeragaman pensijilan dan penggunaan sistem e-Halal di seluruh negeri. Penyeragaman ini akan menjadikan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri sebagai pengurus yang berautoriti dalam pensijilan halal di negeri masing-masing. Manakala JAKIM pula akan berperanan sebagai pembekal sistem, penetapan standard, pensijilan selain kerja-kerja pemantauan. Tempoh sah penggunaan Sijil dan Logo Halal adalah selama satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan. Pada tahun 2010 hingga September 2012, kelulusan pengeluaran Sijil termasuk lulus bersyarat adalah sebanyak 480 dengan kutipan hasil berjumlah RM95,250.

4.1.3. Para 14, Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/2011 (Pekeliling JAKIM) menetapkan hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri yang boleh mengeluarkan Sijil dan Logo Halal di Malaysia. Selain itu, para 9 juga menjelaskan sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkannya, tindakan denda dan penjara di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 boleh dikenakan. Contoh Sijil dan Logo Halal yang diiktiraf dan contoh Logo Halal yang tidak diiktiraf oleh JAKIM dan JAIP seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Contoh Sijil Dan Logo Halal Yang Diiktiraf



Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

Gambar 4.2
Logo Halal Yang Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan dengan sempurna.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen di Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan JAIP dan juga berdasarkan maklumat daripada Pejabat Agama Islam Daerah, MUIP dan Pihak Berkuasa Tempatan

(PBT) serta premis perniagaan dan pengeluar produk makanan sekitar Kuantan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat serta pengguna juga dibuat bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal. Lawatan ke premis makanan termasuk resort serta kilang memproses makanan dibuat bagi mendapatkan gambaran berkenaan pelaksanaan dan pemantauan. Soal selidik juga diedarkan kepada orang ramai bagi mendapatkan maklum balas tahap keberkesanan dan kesedaran pengguna terhadap penggunaan Sijil dan Logo Halal.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik kurang dilaksanakan bagi menarik minat pihak industri untuk memohon Sijil serta memberi maklumat dan pengetahuan kepada pemohon berkenaan syarat pensijilan halal secara komprehensif.
- Ketidaaan Jawatankuasa Pemantauan bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- Tindakan penguatkuasaan tidak dapat dijalankan sewajarnya terhadap penyalahgunaan Sijil dan Logo Halal.
- Pemantauan berkala tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekurangan kakitangan di Unit Pengurusan Halal.

4.4.1. Prestasi Pengurusan Pensijilan Dan Logo Halal

Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sijil Pengesahan Tanda Halal) 1998 telah diwujudkan bagi memastikan pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal dilaksanakan dengan lebih berkesan. Walaupun pengeluar produk dan premis perniagaan tidak diwajibkan untuk memohon Sijil dan Logo Halal tetapi tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pihak yang menyalahgunakannya di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Semakan Audit terhadap pengeluaran Sijil dan Logo Halal mendapati perkara seperti berikut:

- ###### **4.4.1.1. Subkaedah 3, Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sijil Pengesahan Tanda Halal) 1998**
- menetapkan penubuhan Jawatankuasa yang akan mengendalikan hal-hal berkaitan kajian terhadap makanan dan barang yang digunakan oleh orang Islam di Negeri Pahang. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa berkenaan ada ditubuhkan dan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2010 dan satu kali pada tahun 2011. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan iaitu pada November 2012, mesyuarat belum lagi diadakan. Bagi mempercepatkan proses

pengeluaran Sijil, Jawatankuasa tersebut telah menurunkan kuasa kepada Panel Pengesahan Sijil Halal Negeri Pahang (Panel) melalui keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kajian Makanan Dan Bahan Gunaan Orang Islam Negeri Pahang Bil. 2 Tahun 2009. Penubuhan Panel tersebut adalah bagi membuat keputusan terhadap permohonan Sijil berdasarkan Laporan Lawatan Pengesahan Tanda Halal Negeri Pahang Untuk Pembentangan Mesyuarat Panel Pengesahan Sijil Halal (Laporan Lawatan) yang disediakan oleh Unit Pengurusan Halal.

4.4.1.2. Panel ini telah bermesyuarat sebulan sekali bermula tahun 2009. Pada tahun 2010, Panel ini bermesyuarat sebanyak 13 kali, tahun 2011 bermesyuarat sebanyak 12 kali manakala sehingga September 2012 sebanyak 9 kali. Bagaimanapun, minit mesyuarat hanya dibuat sehingga September 2010 menyebabkan perakuan bagi permohonan yang diluluskan tidak dapat disahkan oleh pihak Audit. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kesahihan penurunan kuasa daripada Jawatankuasa kepada Panel kerana tiada surat penurunan kuasa dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Keputusan mewujudkan Panel secara pentadbiran hanya diputuskan melalui Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2 Tahun 2009 yang diadakan pada 29 Julai 2009.

Maklum balas daripada JAIP bertarikh 9 Januari 2013, menjelaskan bahawa kewujudan Panel ini telah mempercepatkan proses kelulusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal. Manakala, surat penurunan kuasa secara bertulis akan dikeluarkan kepada ahli Panel dengan segera.

4.4.1.3. Bagi memastikan proses permohonan Sijil dan Logo Halal adalah teratur, pihak Audit telah membuat semakan terhadap permohonan yang telah mendapat Sijil dan Logo Halal pada tahun 2010 hingga September 2012 di seluruh Negeri Pahang. Permohonan yang diterima termasuk permohonan baharu dan memperbaharui Sijil. Berdasarkan semakan terhadap Laporan Lawatan Pengesahan Tanda Halal Negeri Pahang Untuk Pembentangan Mesyuarat Panel Pengesahan Sijil Halal (Laporan Lawatan) yang dijalankan oleh JAIP, didapati sebanyak 480 permohonan telah diluluskan daripada 997 permohonan yang diterima. Kelulusan bersyarat diberikan apabila terdapat pemohon yang tidak mematuhi syarat pensijilan halal di mana tahap ketidakpatuhannya adalah kecil. Bagaimanapun, Sijil hanya akan dikeluarkan selepas tindakan pembetulan diambil oleh pemohon. Kedudukan permohonan yang diterima dan bilangan kelulusan permohonan Sijil adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Permohonan Sijil Yang Diterima Dan Diluluskan
Pada Tahun 2010 Hingga September 2012

Tahun	Bilangan Permohonan			Peratus Kelulusan (%)	
	Diterima	Diluluskan			
		Tanpa Syarat	Bersyarat		
2010	307	138	7	47.2	
2011	399	138	29	41.9	
2012	291	108	60	57.8	
Jumlah	997	384	96	48.1	

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

4.4.1.4. Permohonan tidak akan diluluskan apabila syarat pensijilan halal tidak dipatuhi. Ketidakpatuhan terhadap syarat tersebut adalah seperti penggunaan bahan yang tidak mempunyai status halal, tahap kebersihan yang tidak menepati piawaian Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan tiada pekerja Islam di bahagian pemprosesan makanan. Sesuatu permohonan akan ditangguhkan kelulusannya apabila berlaku ketidakpatuhan kepada syarat pensijilan halal. Pemohon akan diberi peluang untuk membetulkan setiap kesalahan dan teguran daripada pihak JAIP. Seterusnya, lawatan semula akan dibuat untuk memastikan sama ada pemohon berkenaan boleh diberikan kelulusan Sijil atau tidak. Apabila terdapat sesuatu perkara yang jelas bertentangan dengan hukum syarak seperti penggunaan bahan yang tidak halal seperti minuman keras, maka permohonan tersebut akan ditolak bagi permohonan baharu. Manakala, bagi permohonan memperbaharui, Sijil akan ditarik balik. Semakan Audit turut mendapati permohonan yang tidak mempunyai status adalah kerana tiada sebarang cadangan dicatatkan di Laporan Lawatan. Kedudukan permohonan yang tidak diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Permohonan Yang Tidak Diluluskan
Pada Tahun 2010 Hingga September 2012

Tahun	Tangguh	Tarik Balik	Ditolak	Tiada Status
2010	133	0	13	16
2011	199	2	7	24
2012	108	1	8	6
Jumlah	440	3	28	46

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

4.4.1.5. Peratus permohonan yang tidak diluluskan berbanding jumlah permohonan yang diterima adalah tinggi disebabkan pemohon tidak mematuhi syarat pensijilan halal yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik kurang dilaksanakan bagi menarik minat pihak industri untuk memohon Sijil serta memberi maklumat dan pengetahuan kepada pemohon berkenaan syarat pensijilan halal secara komprehensif. Informasi yang terhad berkenaan syarat-syarat tersebut menyebabkan pemohon kurang memahami tentang perkara yang perlu dipatuhi bagi membolehkan sesuatu permohonan diluluskan Sijil. Pihak Audit dimaklumkan bahawa JAIP hanya mengadakan promosi berkaitan Sijil dan Logo Halal melalui kerjasama dengan agensi lain seperti Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Jabatan Persekutuan/Negeri dan JAKIM. Bagaimanapun, JAIP tidak menyelenggara rekod berkaitan promosi disebabkan kekurangan kakitangan untuk menguruskannya dan peruntukan tidak mencukupi. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 19 Februari 2013, menjelaskan bahawa promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik dilakukan bersesuaian dengan pensijilan halal bagi memberi kesedaran kepada pengguna berkaitan dengan isu halal. Selain itu, JAIP turut mengadakan kursus, seminar dan bengkel.**

4.4.1.6. Laman sesawang berkaitan maklumat halal perlulah disediakan untuk memberi kesedaran kepada pengguna tentang kebaikan dan kepentingan produk yang mempunyai

Sijil dan Logo Halal. Dengan adanya laman sesawang ini, pengguna akan terdedah kepada konsep 'halalan toiyiban', kepentingan pensijilan halal, memahami konsep halal dan proses pensijilan halal. Selain itu, laman sesawang ini juga memaparkan maklumat mengenai pemegang Sijil untuk dijadikan rujukan kepada pengguna. Semakan Audit mendapati maklumat mengenai syarikat yang memperoleh Sijil dan Logo Halal di Negeri Pahang boleh diperoleh melalui laman sesawang JAIP iaitu <http://jaip.pahang.my>. Di antara maklumat yang terdapat di dalam laman sesawang tersebut adalah nama, alamat dan nombor telefon syarikat, jenis produk yang dikeluarkan dan tarikh luput Sijil. Bagaimanapun, maklumat yang dikemaskinikan sehingga Disember 2012 didapati berlaku perbezaan bilangan pemilik Sijil di antara Daftar Sijil dengan laman sesawang tersebut. Pihak Audit mendapati sejumlah 25 daripada 204 syarikat yang diluluskan Sijil tidak disenaraikan di laman sesawang berkenaan. Manakala, sejumlah 150 syarikat yang telah tamat tempoh penggunaan Sijil belum dikemaskinikan statusnya sedangkan terdapat Sijil yang telah luput pada Julai 2011 hingga November 2012. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 9 Januari 2013, menjelaskan bahawa laman sesawang berkaitan maklumat halal telah dikemaskinikan pada 3 Januari 2013.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah kurang memuaskan kerana JAIP kurang mengadakan promosi bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal serta memberi maklumat berkenaan syarat pensijilan halal dengan lengkap dan berkesan.

4.4.2. Prestasi Pemantauan Dan Penguatkuasaan

4.4.2.1. Pemantauan dan penguatkuasaan adalah aspek penting bagi memastikan pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kaedah pemantauan adalah seperti penubuhan jawatankuasa, mengadakan mesyuarat dan penyediaan laporan. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan dan penguatkuasaan mendapati JAIP tidak menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan untuk memantau pengurusan Sijil dan Logo Halal agar dapat dijalankan dengan efisien. Keadaan ini berlaku kerana peraturan yang ditetapkan tidak diberi perhatian oleh pegawai yang bertanggungjawab dan juga kerana kekurangan kakitangan. Kebanyakan pemantauan yang dibuat adalah berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam dan semasa lawatan ke premis untuk permohonan memperbaharui Sijil dan Logo Halal. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 9 Januari 2013, menjelaskan bahawa prestasi pemantauan dan penguatkuasaan tidak memuaskan kerana kekurangan kakitangan di Unit Pengurusan Halal. Bagaimanapun, Jawatankuasa Pemantauan akan ditubuhkan selaras dengan saranan pihak Audit.**


4.4.2.2. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil.1/2011 - Penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 Dan Perintah-Perintah Perihal Dagangan Berkaitan Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM, menerangkan mengenai pindaan Akta Perihal Dagangan 1972. Tempoh peralihan yang diberi sebagaimana Pekeliling JAKIM ini adalah sehingga 31 Disember 2012 bagi produk yang berada di pasaran yang menggunakan Logo Halal yang

tidak diiktiraf. Pihak industri perlu mendapat pensijilan halal daripada JAKIM atau MUIP. Manakala, bagi penggunaan Logo Halal yang tidak diiktiraf, logo tersebut hendaklah dilupuskan serta-merta. Bagi memastikan pemegang Sijil telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan, pihak Audit telah menyertai pemeriksaan mengejut terhadap premis perniagaan dan pengeluar produk makanan yang dijalankan bersama JAIP, Majlis Perbandaran Kuantan, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) Negeri Pahang serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang. Hasil lawatan bersama ke premis perniagaan dan pengeluar produk makanan yang dipilih mendapati:

a. Pembekal Barang Berlainan Dengan Nama Pembekal Di Sijil

Para 21, Pekeliling JAKIM menjelaskan, adalah menjadi kesalahan sekiranya pengeluar menawar atau membekalkan makanan yang boleh memperdayakan serta mengelirukan orang Islam. Lawatan Audit bersama JAIP dan agensi berkaitan ke 3 pasar raya di sekitar Kuantan pada Ogos 2012 mendapati kehendak Pekeliling tersebut tidak dipatuhi. Didapati ayam segar yang dipasarkan untuk kegunaan pelanggan bukan daripada pengeluar yang tertera sebagaimana Sijil yang dipamerkan. Semakan Audit terhadap invois bekalan ayam mendapati syarikat yang membekalkan ayam adalah berlainan dengan nama syarikat di Sijil yang dipamerkan. Bekalan ayam segar daripada syarikat tersebut tidak dapat dipastikan sama ada mempunyai Sijil yang diiktiraf atau sebaliknya. **Gambar 4.3** menunjukkan Sijil pembekal lain yang dipamerkan di pasar raya berkenaan.

Gambar 4.3
Pamer Sijil Pembekal Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar raya di Kuantan
Tarikh: 7 Ogos 2012

b. Pemegang Sijil Melanggar Syarat Pensijilan Halal

Para 11-13, Pekeliling JAKIM menjelaskan takrif halal diperuntukkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, antara lain menjelaskan sesuatu makanan, barang dan perkhidmatan yang diperihal halal boleh dimakan atau diguna oleh orang Islam serta mengikut hukum syarak yang ditetapkan. Sekiranya

tidak dipatuhi atau bertentangan dengan Perintah tersebut, ia menjadi satu kesalahan. Pihak Audit bersama pegawai JAIP dan pegawai agensi berkaitan telah membuat lawatan ke bahagian dapur dan kafeteria bagi 4 resort di Kuantan. Hasil lawatan mendapati berlaku pelanggaran syarat pensijilan halal seperti berikut:

i. Penggunaan Bahan Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Tidak Diiktiraf

Didapati penggunaan beberapa bahan barang/produk makanan yang mempunyai Logo Halal tidak diiktiraf seperti di **Gambar 4.4** dan **Gambar 4.5**.

Gambar 4.4
Produk Menggunakan Logo Halal
Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Di Kuantan
Tarikh: 27 September 2012

Gambar 4.5
Produk Menggunakan Logo Halal
Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Di Kuantan
Tarikh: 7 November 2012

ii. Penggunaan Bahan Makanan Dan Peralatan Yang Tidak Mengikuti Hukum Syarak

Lawatan Audit juga mendapati penggunaan satu *bucket* minuman keras di dapur sebuah resort di mana ia bertentangan dengan hukum syarak yang ditetapkan. Selain itu, sebahagian produk jus minuman yang disimpan telah tamat tempoh penggunaannya. Manakala, sebuah lagi resort yang dilawati masih menyimpan bahan makanan yang telah tamat tempoh dan keadaan kebersihan dapur tidak memuaskan dengan lantai yang kurang bersih serta peralatan memasak yang tidak dibersihkan memenuhi singki. Contoh bahan makanan berkaitan adalah seperti di **Gambar 4.6** dan **Gambar 4.7**.

Gambar 4.6
Bucket Minuman Keras Di Dapur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Di Kuantan
Tarikh: 27 September 2012

Gambar 4.7
Bahan Makanan Tamat Tempoh Penggunaan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Di Kuantan
Tarikh: 7 November 2012

c. Penggunaan Logo Halal Tanpa Kelulusan

Para 14 dan 15, Pekeliling JAKIM menjelaskan hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sahaja yang diperakui boleh mengeluarkan Logo Halal di Malaysia dan menjadi kesalahan sekiranya sesiapa memperaku, membekal atau menawar makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan adalah halal. Lawatan Audit bersama pihak JAIP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan KPDKKK telah dijalankan yang merupakan lawatan kali ketiga ke premis pengeluar santan yang beroperasi di Indera Mahkota, Kuantan. Didapati pemilik produk tersebut masih menggunakan Logo Halal JAKIM tanpa kelulusan di plastik pembungkusan santan yang diedarkan untuk pasaran semenjak tahun 2010, walaupun telah diberi amaran pada setiap kali lawatan pemantauan dibuat. **Gambar 4.8** menunjukkan penggunaan Logo Halal berkenaan.

Gambar 4.8
Penggunaan Logo Halal Tanpa Kelulusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Premis Di Kuantan
Tarikh: 7 November 2012

- d. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 9 Januari 2013, menjelaskan bahawa semasa pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan, tindakan yang dilakukan oleh JAIP adalah memberi peringatan lisan dan melalui surat kepada pemegang Sijil dan Logo Halal. Tindakan yang dikenakan adalah mengikut kesalahan yang dilakukan oleh pemegang Sijil dan Logo Halal. Bagaimanapun, tindakan saman dan sita hanya boleh dilaksanakan oleh pihak KPDKKK sahaja.**

Pada pendapat Audit, prestasi pemantauan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana pemantauan serta penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan JAIP tidak mempunyai kuasa untuk menyaman dan menyita premis yang menggunakan Sijil dan Logo Halal tanpa kebenaran.

4.4.3. Analisis Tahap Kesedaran Pengeluar Produk Dan Tahap Kesedaran Pengguna

Bagi menentukan tahap keberkesanan pengurusan pengeluaran Sijil dan Logo Halal, pihak Audit telah membuat analisis dan kajian ringkas berdasarkan statistik yang diperoleh daripada PBT dan juga soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada orang ramai. Ia bertujuan untuk menilai tahap kesedaran pengeluar produk dan pengguna terhadap kepekaan kepada kepentingan Sijil dan Logo Halal semasa memberi perkhidmatan, membeli atau menggunakan produk. Hasil analisis dan kajian ringkas tersebut mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Analisis Tahap Kesedaran Pengeluar Produk

Statistik pengeluaran lesen perniagaan telah diperoleh daripada PBT berkaitan perkhidmatan premis perniagaan seperti hotel termasuk resort, rumah rehat, restoran, gerai makan dan pengeluar produk. Analisis yang dibuat berdasarkan kelulusan lesen perniagaan tersebut dan juga senarai pemegang Sijil di Negeri Pahang seperti di **Jadual 4.3** dan **Carta 4.1** mendapati:


- a. Mengikut rekod di PBT, sebanyak 435 lesen perniagaan bagi perkhidmatan hotel, rumah rehat dan resort telah dikeluarkan sehingga Disember 2012. Sungguhpun begitu, pihak Audit difahamkan tidak semua premis berkenaan menyediakan makanan dan dengan itu keperluan mendapat Sijil dan Logo Halal adalah tidak berkaitan. Semakan Audit mendapati 49 pengusaha tersebut mempunyai Sijil dan Logo Halal.
- b. Sebanyak 7,499 lesen perniagaan yang diluluskan bagi premis makanan termasuk restoran dan gerai makanan berbanding 67 atau 0.9% yang memegang Sijil dan Logo Halal.
- c. Daripada 312 lesen perniagaan yang diluluskan bagi pengeluar produk termasuk Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) dan juga kilang pembuatan, hanya 76 atau 29% yang mempunyai Sijil dan Logo Halal.

Jadual 4.3
Pengeluaran Lesen Premis Berbanding Sijil Halal
Pada Tahun 2010 Hingga September 2012

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Lesen/Sijil Dikeluarkan		Peratus (%)
		PBT	JAIP	
1.	Hotel/Rumah Rehat/Resort	435	49	11.3
2.	Premis Makanan	7,499	67	0.9
3.	Pengeluar Produk	312	76	29.0
Jumlah		8,246	192	2.33

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 4.1
Pecahan Pengeluaran Lesen Premis Berbanding Sijil Halal
Pada Tahun 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara

- d. Daripada analisis di atas, didapati bilangan pemegang Sijil dan Logo Halal adalah terlalu kecil iaitu sebanyak 192 atau 2.33% berbanding 8,246 pemegang lesen premis di Negeri Pahang. JAIP perlu meningkatkan lagi usaha bagi menambah kesedaran tentang kepentingan Sijil dan Logo Halal kepada pemegang lesen premis.
- e. **Maklum balas daripada JAIP bertarikh 19 Februari 2013, menjelaskan bahawa pengeluar produk dan premis perniagaan tidak diwajibkan untuk memohon Sijil dan Logo Halal.**

4.4.3.2. Kajian Tahap Kesedaran Pengguna

Pihak Audit telah mengedarkan 250 borang soal selidik di daerah Kuantan dan Pekan kepada pengguna bagi mendapatkan maklum balas kesedaran pengguna terhadap Sijil dan Logo Halal. Penilaian terhadap tahap kepuasan pengguna meliputi kesedaran mereka untuk memilih barang berlogo halal dalam kehidupan seharian serta untuk mengetahui kepekaan pengguna terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal. Analisis Audit mendapati majoriti pengguna peka terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal. Bagaimanapun, sebahagian pengguna tidak dapat mengenal pasti dengan baik Sijil dan

Logo Halal Malaysia serta luar negara yang diiktiraf penggunaannya di Malaysia. Seterusnya, majoriti pengguna menyatakan kurang promosi dan mengesyorkan tindakan yang tegas perlu diambil terhadap penyalahgunaan Sijil dan Logo Halal. Analisis penilaian tahap kesedaran adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Tahap Kesedaran Pengguna Terhadap Sijil Dan Logo Halal

Bil.	Perihal	Penilaian	
		Ya (%)	Tidak (%)
1.	Kepekaan Pengguna Terhadap Sijil dan Logo Halal.	96.2	3.8
2.	Pengetahuan Mengenai Pihak Berwajib Dalam Pengeluaran Sijil dan Logo Halal Malaysia Dan Luar Negara.	85.6	14.4
3.	Pengenalpastian Terhadap Sijil dan Logo Halal Malaysia Dan Luar Negara.	40.2	59.8
4.	Promosi/Hebahan Mengenai Perkara Halal Adalah Mencukupi Dan Meluas.	9.6	90.4
5.	Tindakan Undang-Undang Yang Tegas Diambil Oleh Pihak Berkuasa Terhadap Pesalah.	98.0	2.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, tahap kesedaran pengeluar produk adalah tidak memuaskan kerana bilangan pemegang Sijil dan Logo Halal adalah terlalu kecil. Manakala tahap kesedaran pengguna terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, langkah-langkah khusus terutamanya promosi berkaitan penggunaan Logo Halal yang diiktiraf perlu dipertingkatkan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Sijil dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan seterusnya dapat menarik kesedaran terhadap kepentingan Sijil dan Logo Halal, pihak Audit mengesyorkan supaya JAIP mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

4.5.1. Memperhebat promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik bagi meningkatkan kesedaran pemilik premis, pengeluar produk dan pengguna tentang kepentingan Sijil dan Logo Halal.

4.5.2. Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

4.5.3. Meningkatkan operasi lawatan secara bersepadu yang melibatkan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pemegang Sijil dan Logo Halal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

4.5.4. Memantapkan lagi Unit Pengurusan Halal bagi memastikan proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal dilaksanakan dengan lebih cekap.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

5. PENGURUSAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Kuarters Kerajaan adalah rumah kediaman Kerajaan yang dibina di setiap daerah oleh Kerajaan Negeri untuk didiami oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang layak mengikut syarat dalam Perintah Am Bab E mengenai Rumah dan Bangunan Kerajaan. Objektif penyediaan kuarters adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat. Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri Pahang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pejabat SUK), manakala bagi daerah pula adalah di bawah kuasa Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) di setiap daerah berkenaan. Penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri adalah di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dan daerah masing-masing.

5.1.2. Bilangan kuarters Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 ialah sebanyak 948 unit. Bagi tempoh 2010 sehingga 2012, peruntukan kos baik pulih dan ubah suai kuarters Kerajaan Negeri berjumlah RM1.89 juta, manakala perbelanjaannya berjumlah RM1.88 juta. Pada tahun 2012, perbelanjaan baik pulih dan ubah suai kuarters ialah RM0.73 juta atau 97.3% daripada RM0.75 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kuarters Kerajaan Negeri telah diuruskan dengan teratur, cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan kuarters bagi tempoh 2010 hingga 2012 tetapi tidak termasuk Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan. Pengauditan dijalankan di Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUK, PDT Temerloh dan Lipis serta di JKR Negeri, JKR Daerah Kuantan, Temerloh dan Lipis. Pengauditan yang dijalankan adalah dengan membuat semakan terhadap rekod dan fail yang berkaitan dengan pengurusan dan penyenggaraan kuarters. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke kuarters juga dilakukan. Soal selidik berkaitan pengurusan dan penyenggaraan kuarters juga diedarkan kepada penghuni kuarters bagi mendapat maklum balas berkaitan tahap kepuasan mereka.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2012 pada keseluruhannya mendapati pengurusan kquarters adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kelemahan dalam aspek penyenggaraan kquarters.
- Kesilapan pembayaran elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) serta hasil sewaan tidak diakaunkan ke dalam hasil negeri.
- Garis panduan khusus mengenai pengurusan kquarters belum diwujudkan.
- Kelemahan pemantauan.

5.4.1. Prestasi Kedudukan Kquarters

Bilangan kquarters di 3 daerah yang diaudit iaitu Kuantan, Temerloh dan Lipis pada akhir tahun 2012 ialah sebanyak 477 unit. Jumlah keseluruhan kquarters yang diduduki ialah sebanyak 336 unit, manakala sebanyak 34 unit adalah kosong dan 107 unit adalah rosak. Kekosongan ini disebabkan kquarters yang perlu penyenggaraan tidak dibaiki kerana tiada peruntukan, manakala kquarters rosak yang tidak ekonomik untuk dibaiki tidak dirobohkan. Peratus kquarters yang diduduki ialah 70.4% adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Prestasi Kedudukan Kquarters

Bil.	Jabatan	Bilangan Unit				Peratus Diduduki (%)
		Diduduki	Kosong	Rosak	Jumlah	
1.	Pejabat SUK	130	9	35	174	74.7
2.	PDT Temerloh	52	3	62	117	44.4
3.	PDT Lipis	154	22	10	186	82.8
Jumlah		336	34	107	477	70.4

Sumber: Pejabat SUK, PDT Temerloh Dan Lipis

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan kedudukan kquarters adalah memuaskan kerana 70.4% kquarters telah diduduki. Bagaimanapun peratus kquarters diduduki bagi daerah Temerloh adalah rendah.

5.4.2. Program Perancangan Penyenggaraan Tahunan

5.4.2.1. Program perancangan penyenggaraan tahunan dilaksanakan oleh JKR daerah berdasarkan keputusan lawatan yang telah dijalankan serta mengambil kira kos yang ekonomik dan jangka siap bagi memastikan bangunan kerajaan selamat untuk digunakan. Program penyenggaraan dikemukakan ke JKR Negeri Pahang bersama permohonan

peruntukan untuk mendapatkan kelulusan sebelum kerja berkenaan dilaksanakan. Bagi tempoh 2010 hingga September 2012 sebanyak 6 sebut harga berjumlah RM288,551, 25 lantikan terus berjumlah RM320,541 dan 4 kerja melalui undi berjumlah RM170,876 telah dilaksanakan bagi penyenggaraan kuarters. Manakala 30 pembelian terus bagi pembelian barang stor berjumlah RM65,494 telah dibelanjakan untuk tujuan penyenggaraan. Semakan Audit di 3 JKR daerah mendapati perancangan kerja penyenggaraan melibatkan kos sejumlah RM121,479 bagi JKR Daerah Lipis, sejumlah RM231,382 oleh JKR Daerah Temerloh manakala sejumlah RM97,001 oleh JKR Daerah Kuantan. Bagaimanapun, 19 daripada 25 kerja penyenggaraan yang dirancang tidak dilaksanakan dengan anggaran kos sejumlah RM640,000 di JKR Daerah Kuantan dan Temerloh seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Kerja Penyenggaraan Kuarters Yang Dirancang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Jabatan	Tahun	Kerja Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan	
			Perihal Kerja	Anggaran Kos (RM)
1.	JKR Daerah Kuantan	2010	Kerja Membaiki Paip, Mengelat Dan Kerja Berkaitan di JKR 881 Telok Sisek	35,000
			Kerja Mengganti Tingkap, Mengelat Dan Kerja Berkaitan di JKR 879 Telok Sisek	50,000
			Kerja Mengganti Pagar, Mengelat Dan Kerja Berkaitan di JKR 880 Telok Sisek	40,000
			Kerja Mengganti Kayu Siling Dan Membaiki Kebocoran Atap Serta Kerja Berkaitan Di JKR 587 Kemunting	50,000
		2011	Kerja Mengelat, Baiki Pagar Di JKR 1167, Teluk Sisek	30,000
			Kerja Mengelat, Baiki Pagar Di JKR 879, Teluk Sisek	30,000
			Kerja Mengelat, Baiki Pagar Di JKR 880, Teluk Sisek	20,000
			Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Di JKR 857, Kemunting	30,000
			Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Di JKR 573	20,000
			Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Di JKR 574	25,000
			Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Di JKR 114	25,000
			Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Di JKR 45	25,000
			Kerja Membaiki Atap Dan Pembaikan Am Di Kuarters SUK (Flat 4 Tingkat) Sebanyak 8 Blok, Indera Mahkota	150,000
2.	JKR Daerah Temerloh	2011	Membaiki Kuarters No.JKR 173 Bukit Angin	50,000
			Meroboh Kuarters Bukit Angin	20,000
			Membaiki Kuarters 71B Jalan Merdeka	6,500
			Membaiki Kuarters No. JKR 49 Jalan Sentosa	12,000
			Membaiki Kuarters No. JKR 236 Bukit Angin	7,500
			Membaiki Kuarters Di Chatin	14,000
Jumlah				640,000

Sumber: JKR Daerah Temerloh dan Kuantan.

5.4.2.2. Maklum balas daripada JKR Daerah Kuantan bertarikh 2 Januari 2013 dan JKR Daerah Temerloh bertarikh 21 Disember 2012, memaklumkan bahawa kerja-kerja tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan kerana masalah kekurangan peruntukan dan mengutamakan kerja penyenggaraan segera.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tahunan adalah kurang memuaskan kerana penyenggaraan tidak dilaksanakan seperti yang dirancang.

5.4.3. Pembersihan Dan Penyenggaraan Kuarters

Pembersihan kawasan kuarters di Daerah Temerloh dan Lipis adalah tanggungjawab penghuni. Manakala di Daerah Kuantan kerja pembersihan kawasan kuarters dilaksanakan kontraktor yang dipilih oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUK melalui perolehan sebut harga. Bagi kerja penyenggaraan kuarters pula adalah tanggungjawab pihak JKR Daerah berkenaan.

5.4.3.1. Pembersihan Kawasan Kuarters Di Kuantan

Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUK adalah bertanggungjawab memeriksa dan memantau kebersihan kawasan kuarters kerajaan. Perjanjian terkini yang masih berkuat kuasa ialah antara Kerajaan Negeri Pahang dengan kontraktor yang dilantik bagi tempoh Mei 2011 sehingga April 2013. Antara skop kerja merangkumi memotong semua jenis rumput/semak-samun termasuk yang menjalar masuk ke tepi jalan, longkang serta yang tumbuh atas permukaan tanah di kawasan kontrak. Selain itu, mencuci serta membersihkan segala sampah-sarap, tumbuhan di dalam longkang yang menghalang/menyekat air dari terus mengalir. Lawatan Audit pada 3 Oktober 2012 mendapatkan perkara berikut:

a. Pemeriksaan Ke Kawasan Kerja Tidak Mengikut Perjanjian

Kerja memotong rumput dan kerja berkaitan dengannya di kawasan rumah kerajaan Daerah Kuantan dilaksanakan kontraktor yang dipilih. Semakan Audit terhadap rekod kerja pembersihan bagi tempoh 6 bulan di 4 kawasan iaitu Bandar Indera Mahkota (Flat), Jalan Dato' Abdullah 1, Jalan Dato' Abdullah 2 dan Jalan Dato' Abdullah (Apartmen) mendapati pemeriksaan kawasan kontrak oleh pihak Pejabat SUK tidak dijalankan bersama dengan pihak kontraktor yang dilantik. Selain itu, pemeriksaan yang dijalankan tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 2 minggu sekali bagi Februari, April dan Mei tahun 2012. **Maklum balas daripada Pejabat SUK bertarikh 24 Disember 2012, menyatakan bahawa pemeriksaan telah dijalankan mulai Julai 2012 mengikut tempoh yang ditetapkan.**

b. Kuarters Bandar Indera Mahkota Kuantan Tidak Disenggara

- i. Pokok dan rumput menutupi/menjalar dipagar utama berhampiran pondok pengawal. **Maklum balas daripada Pejabat SUK bertarikh 24 Disember 2012, menyatakan bahawa tindakan penyenggaraan telah diambil.** Keadaan di pagar utama sebelum dan selepas adalah seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**.

Gambar 5.1
Pokok Dan Rumput Menjalar
Di Pagar Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 3 Oktober 2012

Gambar 5.2
Pagar Utama Yang Telah Disenggara



Sumber: Pejabat SUK
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 17 Disember 2012

- ii. Longkang di Blok G dan H yang kotor dipenuhi sampah sarap dan tumbuhan menghalang/menyekat laluan air. **Maklum balas daripada Pejabat SUK bertarikh 24 Disember 2012, menyatakan bahawa tindakan penyenggaraan telah dilaksanakan.** Keadaan longkang sebelum dan selepas adalah seperti di **Gambar 5.3 hingga Gambar 5.6**.

Gambar 5.3
Tumbuhan Menutupi Longkang
Menghalang Laluan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 3 Oktober 2012

Gambar 5.4
Longkang Yang Telah Disenggara



Sumber: Pejabat SUK
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 17 Disember 2012

Gambar 5.5
Longkang Yang Kotor
Menyekat Laluan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 3 Oktober 2012

Gambar 5.6
Longkang Yang Telah Disenggara



Sumber: Pejabat SUK
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota, Kuantan
Tarikh: 17 Disember 2012

- iii. Keadaan cat pada dinding flat kuarters yang berkulat, pudar dan terkopak seperti di **Gambar 5.7. Maklum balas daripada Pejabat SUK bertarikh 24 Disember 2012, menyatakan bahawa tindakan mengecat bangunan telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ruang Pejabat dan Rumah Kerajaan Bil. 3 Tahun 2012 untuk dilaksanakan pada tahun 2013.**



Gambar 5.7
Keadaan Cat Yang Pudar Dan Terkopak
Di Dinding Flat Kuarters

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuarters Bandar Indera Mahkota,
Kuantan
Tarikh: 3 Oktober 2012

- c. Kegagalan pihak kontraktor untuk melaksanakan penyenggaraan mengikut kontrak perjanjian telah menjelaskan keselesaan. Di samping itu, ia boleh mengundang masalah kesihatan seperti wabak malaria, denggi serta menggalakkan kehadiran binatang liar.

5.4.3.2. Kuarters Diduduki Tidak Disenggara

- a. Penghuni yang mendiami sesebuah rumah kerajaan hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dan bertanggungjawab terhadap kebersihan kuarters dan kawasan sekelilingnya. Penghuni pula ada yang tidak menjaga kuarters dengan baik kerana tiada tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan berkala bagi memastikan penghuni menjaga kebersihan kawasan persekitaran kuarters masing-

masing. Semakan Audit terhadap kuarters di Daerah Temerloh mendapati ia disenggara dengan baik. Bagaimanapun, di Daerah Lipis kuarters diduduki tidak disenggara kawasannya menyebabkan ditumbuhinya semak samun serta perkakas terbiar seperti di **Gambar 5.8** dan **Gambar 5.9**.

Gambar 5.8
**Kuarters Yang Berpenghuni
Tetapi Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Bukit Kerani, Lipis
Tarikh: 12 September 2012

Gambar 5.9
**Kuarters Yang Berpenghuni
Tetapi Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JKR Bukit Kerani, Lipis
Tarikh: 12 September 2012

- b. **Maklum balas daripada PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, menyatakan bahawa surat arahan pembersihan kawasan kuarters telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2012 kepada semua penghuni kuarters di Daerah Lipis. Susulan lawatan oleh pegawai kuarters pada 7 Disember 2012 mendapati sebahagian penghuni telah mengambil tindakan membersihkan kawasan sekitar kuarters.**

5.4.3.3. Kuarters Kosong Dan Boleh Diduduki Tidak Disenggara


- a. Mengikut rekod di 3 daerah, sebanyak 34 unit kuarters kosong dan boleh diduduki sekiranya dibaiki. Lawatan Audit ke kuarters berkenaan mendapati kuarters terbiar dan tidak disenggara dengan baik. Keadaan ini menyebabkan pemohon tidak berminat untuk menduduki kuarters berkenaan. Sekiranya berterusan kuarters yang statusnya boleh diduduki akan menjadi rosak, usang serta tidak ekonomik dibaiki adalah seperti di **Gambar 5.10** hingga **Gambar 5.11**.

Gambar 5.10

Kuarters Kosong Yang Dipenuhi Sampah Sarap



Gambar 5.11



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: No.378/A, Jalan Bukit Kerani, Lipis

Tarikh: 12 September 2012

- b. **Maklum balas daripada PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, menyatakan tiada peruntukan untuk membaiki kuarters JKR No. 378/A, Kawasan Kerani. Pihak jabatan akan mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan kuarters tersebut pada 8 Januari 2013.**
- c. **Maklum balas daripada JKR Daerah Lipis bertarikh 26 Disember 2012, menyatakan bahawa pembaikan akan dibuat sekiranya kuarters diduduki.**

5.4.3.4. Kuarters Rosak Dan Tidak Boleh Diduduki

- a. Mengikut rekod di 3 daerah, sebanyak 107 unit kuarters adalah rosak dan tidak boleh diduduki. Keadaan ini berlaku disebabkan kuarters yang usang dan memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi untuk dibaikpulih. Selain itu, pembaikan juga tidak dilaksanakan bagi kuarters yang berstatus rosak. Keadaan ini mendedahkan kepada risiko kecurian, vandalisme dan gejala tidak sihat. Lawatan Audit ke kuarters berkenaan mendapati keadaan kuarters adalah terlalu usang, tidak boleh diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Contohnya adalah seperti di **Gambar 5.12** dan **Gambar 5.15**.

Gambar 5.12
Kuarters Terbiar Dan Ditumbuhki
Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.8, Jalan Padang, Temerloh
Tarikh: 28 Jun 2012

Gambar 5.13
Kuarters Terbiar Dan Ditumbuhki
Semak Samun




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.203/B, Sungai Kerpan, Lipis
Tarikh: 12 September 2012

Gambar 5.14
Kuarters Rosak Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.135/B Jalan Bukit Kerani, Lipis
Tarikh: 12 September 2012

Gambar 5.15
Kuarters Yang Usang Serta Boleh
Menyumbang Gejala Yang Tidak Sihat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.9, Jalan Padang, Temerloh
Tarikh: 28 Jun 2012

- b. **Maklum balas daripada Pejabat SUK bertarikh 24 Disember 2012 menyatakan telah memaklumkan kerosakan tersebut kepada pihak JKR Daerah Kuantan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ruang Pejabat dan Rumah Kerajaan Bil. 3 Tahun 2012. Maklum balas daripada JKR Daerah Kuantan bertarikh 2 Januari 2013 memaklumkan bahawa JKR tidak menyediakan rekod pengurusan kuarters rosak dan tidak berpenghuni tetapi hanya melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut peruntukan yang diagihkan serta mendapat aduan daripada Pejabat SUK.**
- c. **Manakala maklum balas daripada PDT Temerloh dan JKR Daerah Temerloh bertarikh 21 Disember 2012, menyatakan bahawa peruntukan yang diterima adalah terhad. Maklum balas daripada PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, menyatakan bahawa penyenggaraan kuarters adalah di bawah tanggungjawab JKR Daerah Lipis. Maklum balas daripada JKR Daerah Lipis bertarikh 26**

Disember 2012, menyatakan bahawa pembaikan kerja akan dibuat sekiranya kuarters diduduki.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kuarters kurang memuaskan kerana pemeriksaan dan penyenggaraan kuarters tidak dilaksanakan mengikut peraturan.

5.4.4. Imbuhan Tetap Perumahan Dan Bantuan Sara Hidup Kakitangan Terlebih Bayar

5.4.4.1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2006 menetapkan pegawai yang menduduki kuarters tidak layak dibayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan 50% daripada Bantuan Sara Hidup (BSH). Perintah Am Bab E, Peraturan 16 dan 17(a) pula menyatakan sewa rumah dan sewa perabot akan dikira dari hari seseorang pegawai itu masuk ke rumah tersebut dan Ketua Jabatan perlu memotong elaun pegawai di bawah jagaannya yang menduduki kuarters apabila menerima arahan potongan elaun. Semakan Audit terhadap 212 daripada 353 kakitangan di 3 daerah mendapati 9 kakitangan di daerah Temerloh dan Lipis yang menduduki kuarters tidak dibuat potongan elaun (ITP dan BSH). Semakan juga mendapati kakitangan tersebut telah mendiami kuarters antara 12 hingga 110 bulan dan jumlah ITP dan 50% BSH yang telah terlebih bayar adalah dianggarkan berjumlah RM161,343. Perkara ini berlaku kerana kelemahan pemantauan oleh Ketua Jabatan terhadap kakitangan yang menduduki kuarters. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
ITP Dan 50% BSH Kakitangan Yang Menduduki Kuarters Kerajaan Terlebih Bayar

Bil.	No. Kad Pengenalan/ Lokasi	Jabatan	Tarikh Diduduki/ Kelas Kuarters	Bulan (hingga 31.12.2012)	Elaun Terlebih Bayar		
					ITP (RM)	BSH (RM)	Jumlah (RM)
1.	680908-06-5149/ No.48,Jalan Sentosa, Temerloh	Pejabat Kebajikan Masyarakat Temerloh (PKM)	1.10.2005/ H	87	15,660	7,725	23,385
2.	780811-06-5415/ 336B, Bukit Angin, Temerloh	Pejabat Kebajikan Masyarakat Temerloh (PKM)	1.11.2003/ H	110	19,170	7,725	26,895
3.	700401-06-5399/ No. 153, Jalan Merdeka, Temerloh	Pejabat Kebajikan Masyarakat Temerloh (PKM)	1.12.2011/ G	13	2,340	1,525	3,865
4.	750403-03-5252/ JKR No. 186/6, Jalan Pekeling, Lipis	Hospital Kuala Lipis	1.07.2007/ I	66	11,888	3,525	15,413
5.	840617-06-5720/ JKR No. 634/C Batu 3, Lipis	Hospital Kuala Lipis	1.06.2007/ H	67	12,060	3,550	15,610

Bil.	No. Kad Pengenalan/ Lokasi	Jabatan	Tarikh Diduduki/ Kelas Kuarters	Bulan (hingga 31.12.2012)	Elaun Terlebih Bayar		
					ITP (RM)	BSH (RM)	Jumlah (RM)
6.	R9073074/ 632/A, Batu 3, Jalan Lipis-Benta, Lipis	PDRM Daerah Lipis	1.03.2011/ H	22	6,050	1,325	7,375
7.	R6083706/ 165/B, Kawasan Kerani, Lipis	PDRM Daerah Lipis	1.01.2012/ F	12	3,300	825	4,125
8.	R5103043/ 172/A, Kawasan Kerani,Lipis	PDRM Daerah Lipis	1.01.2006/ F	84	23,100	3,975	27,075
9.	R7071414/ 181/A, Kawasan Kerani, Lipis	PDRM Daerah Lipis	1.08.2006/ G	77	21,175	3,800	24,975
Jumlah					124,043	37,300	161,343

Sumber: PDT Temerloh Dan Lipis

5.4.4.2. Maklum balas daripada PDT Temerloh bertarikh 21 Disember 2012, memaklumkan bahawa surat telah dikeluarkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bertarikh 18 Disember 2012 bagi menuntut bayaran balik daripada kakitangan yang berkenaan. Manakala maklum balas daripada PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, memaklumkan bahawa surat telah dikeluarkan kepada Hospital Lipis dan Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bertarikh 28 Disember 2012 bagi menuntut bayaran balik daripada kakitangan yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap elaun kakitangan kerajaan adalah kurang memuaskan.

5.4.5. Penyerahan Kunci Dan Pengosongan Kuarters Kerajaan

5.4.5.1. Mengikut Perintah Am Bab E Peraturan 14(b), pegawai dikehendaki menyerahkan kunci rumah dan menandatangani satu Sijil Akuan Keluar rumah sekiranya tidak lagi menduduki kuarters. Selain itu, pihak pengurusan kuarters memastikan kunci kuarters diserahkan dalam keadaan sempurna dan rekod kawalannya dikemaskinikan. Bagi tujuan pengosongan kuarters, pemeriksaan bersama penghuni dilaksanakan bagi memastikan perabot atau kelengkapan masih ada dan berkeadaan baik, kuarters dibersihkan dan semua barang penghuni lama telah tiada sebelum Sijil Akuan Keluar kuarters dikeluarkan. Semakan Audit di PDT Temerloh dan Lipis mendapati hanya Daftar serah kunci sahaja disediakan, manakala maklumat pulang kunci tidak dipraktikkan. Akibatnya terdapat penghuni yang mengosongkan kuarters tanpa mengembalikan kunci. Dengan itu, pihak JKR perlu membuat kunci baru bagi penghuni yang akan menduduki kuarters tersebut. **Maklum balas daripada PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, memaklumkan bahawa daftar serah dan ambil kunci telah disediakan pada 17 Disember 2012.**

5.4.5.2. Semakan Audit juga mendapati tiada Sijil Akuan Keluar Rumah direkodkan di Pejabat SUK, PDT Temerloh dan Lipis serta JKR daerah. Akibatnya kawalan terhadap pengosongan kuarters adalah tidak memuaskan kerana kuarters tidak dibersihkan oleh penghuni semasa pindah keluar. Antara kuarters yang terlibat adalah seperti di **Gambar 5.16** hingga **Gambar 5.18**.

Gambar 5.16
Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
Oleh Penghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No. 378A, Bukit Kerani
Tarikh: 12 September 2012

Gambar 5.17
Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
Oleh Penghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.135B, Bukit Kerani
Tarikh: 12 September 2012



Gambar 5.18
Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan Oleh
Penghuni

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok H, No.3-03, Bandar Indera Mahkota
Tarikh: 3 Oktober 2012

5.4.5.3. Maklum balas daripada PDT Temerloh dan PDT Lipis bertarikh 21 Disember 2012, menyatakan Sijil Akuan Masuk/Keluar telah diperaktikkan sejak 17 Disember 2012 untuk PDT Lipis dan 12 Disember 2012 untuk PDT Temerloh.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod kuarters adalah kurang memuaskan kerana tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

5.4.6. Pemantauan

5.4.6.1. Pemantauan merupakan satu elemen penting bagi memastikan semua aspek perancangan dan pelaksanaan dibuat mengikut peraturan, dasar dan amalan terbaik yang ditetapkan terhadap pengurusan kuarters. Antara mekanisme digunakan untuk

pemantauan yang berkesan ialah melalui mesyuarat, laporan berkala kepada pihak pengurusan dan lawatan ke lokasi kuarters. Semakan Audit terhadap Pejabat SUK, 2 PDT dan 3 JKR daerah mendapati wujud kelemahan pemantauan seperti mesyuarat Jawatankuasa Kuarters tidak diadakan di peringkat JKR daerah, tetapi menghadiri semua mesyuarat yang diadakan di Pejabat SUK dan PDT. Manakala PDT Temerloh dan Lipis hanya 3 kali bermesyuarat untuk tempoh 3 tahun. Bagaimanapun, kekerapan bermesyuarat tidak ditetapkan. Bagi laporan berkala kepada pihak pengurusan, JKR daerah sahaja yang menghantar laporan bulanan ke JKR Negeri. Manakala lawatan ke kuarters, semua pejabat ada membuat lawatan di daerah masing-masing pada tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, hanya pejabat JKR Daerah Temerloh dan Lipis serta Pejabat SUK kerap membuat lawatan bagi tempoh 3 tahun, manakala pejabat lain kurang daripada 10 kali bagi tempoh tersebut. Kedudukan mesyuarat, laporan berkala dan lawatan ke kuarters untuk 6 Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Mesyuarat, Laporan Berkala Dan Lawatan Ke Kuarters

Bil.	Pejabat/Jabatan	2010			2011			2012			Jumlah		
		Mesyuarat	Laporan Berkala	Lawatan									
1.	Pejabat SUK	3	-	1	3	-	4	4	-	18	10	-	23
2.	JKR Daerah Kuantan	-	-	-	-	3	-	-	3	8	-	6	8
3.	PDT Temerloh	-	-	-	2	-	3	1	-	2	3	-	5
4.	JKR Daerah Temerloh	-	-	14	-	10	1	-	9	3	-	19	18
5.	PDT Lipis	-	-	-	1	-	-	2	-	2	3	-	2
6.	JKR Daerah Lipis	-	3	40	-	-	42	-	8	25	-	11	107
Jumlah		3	3	55	6	13	50	7	20	58	16	36	163

Sumber: Pejabat SUK, PDT Temerloh, Lipis Dan JKR Daerah Kuantan, Temerloh Dan Lipis


5.4.6.2. Maklum balas daripada Jabatan/Pejabat yang terlibat melalui surat bertarikh 21 Disember 2012; 24 Disember 2012; 26 Disember 2012; dan 2 Januari 2013, memaklumkan bahawa semua jabatan/pejabat telah merancang untuk mengadakan 4 kali mesyuarat setahun, menghantar laporan berkala setiap bulan kepada pihak pengurusan dan membuat perancangan untuk lawatan ke kuarters pada tahun 2013.

Pada pendapat Audit urusan pemantauan adalah kurang memuaskan kerana JKR daerah tidak membincangkan urusan kuarters di peringkat jabatan, manakala Pejabat SUK dan PDT tidak menghantar laporan berkala ke pihak pengurusan.

5.4.7. Analisis Soal Selidik Tahap Kepuasan Penghuni Kuarters

5.4.7.1. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada penghuni kuarters bagi tujuan menilai tahap kepuasan penghuni terhadap keadaan dan kualiti

penyenggaraan kuarters yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Analisis terhadap 85 daripada 100 atau 85% borang soal selidik yang dikembalikan adalah seperti di **Carta 5.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4.7.2. Berdasarkan maklum balas diterima, 30 penghuni kuarters atau 35.3% berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Manakala seramai 55 penghuni kuarters atau 64.7% tidak berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Antara sebab utama ketidakpuasan hati penghuni ialah masalah paip air yang sering rosak, bocor dan berkarat. Selain itu persekitaran kuarters yang kotor, kerosakan pada pendawaian elektrik dan kelonggaran kawalan keselamatan di pondok pengawal yang menyebabkan kecurian sering berlaku.

5.4.7.3. Seramai 46 penghuni kuarters atau 54.1% berpuas hati dengan kualiti penyenggaraan yang dijalankan. Manakala 39 penghuni kuarters atau 45.9% tidak berpuas hati disebabkan tiada tindakan diambil oleh JKR serta penyenggaraan yang mengambil masa untuk dilaksanakan antara satu hingga 12 minggu dan penghuni perlu membuat susulan berulang kali.

Pada pendapat Audit berdasarkan analisis terhadap borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni kuarters mendapati keadaan kuarters adalah kurang memuaskan kerana kelewatan tindakan pemberian. Manakala kualiti penyenggaraan adalah memuaskan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kuarters dilaksanakan dengan lebih cekap, kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat, kakitangan kerajaan yang menduduki kuarters mendapat kemudahan dan keselesaan tempat tinggal, maka kelemahan

yang dikenal pasti perlulah diperbaiki. Dengan itu adalah disyorkan Pejabat SUK, PDT Temerloh dan Lipis serta JKR Daerah Kuantan, Temerloh dan Lipis mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. Penyenggaraan hendaklah dilaksanakan terhadap kquarters kosong yang boleh diduduki untuk memastikan aset kerajaan berada dalam keadaan baik, manakala kquarters rosak hendaklah sama ada dibaiki atau dirobohkan.

5.5.2. Memastikan kesilapan pembayaran elaun ITP dan BSH diambil tindakan oleh pejabat berkenaan.

5.5.3. Satu dasar dan garis panduan yang khusus mengenai pengurusan kquarters diwujudkan agar pihak pelaksana dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

5.5.4. Pemantauan pengurusan kquarters oleh Pejabat SUK dan PDT hendaklah efektif bagi memastikan kquarters sentiasa dalam keadaan baik iaitu melalui mesyuarat, laporan berkala serta lawatan ke kquarters mengikut keperluan.

YAYASAN PAHANG

6. YP PLANTATION HOLDINGS SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1985 dengan nama Sumber Perindu Sdn. Bhd.. Pada Januari 2003, nama syarikat telah ditukar daripada Sumber Perindu Sdn. Bhd. kepada YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. (YPPH) atas nasihat YAB Menteri Besar Pahang selaku pengurus sesuai dengan penglibatan syarikat secara meluas dalam aktiviti perladangan kelapa sawit. YPPH merupakan syarikat milik penuh Yayasan Pahang dengan modal dibenarkan berjumlah RM100 juta dan modal berbayarnya setakat ini berjumlah RM47 juta. Tujuan utama penubuhan YPPH ialah sebagai *investment arm* iaitu menjadi sumber pendapatan utama kepada Yayasan Pahang untuk membantu anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan. Visi syarikat pula adalah menjadi syarikat perladangan berkualiti bertaraf dunia.

6.1.2. Aktiviti YPPH adalah perladangan kelapa sawit, pelaburan dan harta tanah. Penglibatan YPPH dalam aktiviti pelaburan dan harta tanah telah dikurangkan untuk memberi fokus kepada aktiviti perladangan kelapa sawit yang lebih menguntungkan.

6.1.3. YPPH diterajui oleh 6 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Manakala pengurusan YPPH pula diketuai oleh Pengurus Besar Yayasan Pahang sendiri selaku Pengarah Urusan, dibantu oleh Pengurus Besar serta 191 kakitangan dalam pelbagai peringkat jawatan. YPPH mempunyai 3 syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya iaitu Fitness Twenty-Twenty Sdn. Bhd., Peak Crops Sdn. Bhd. dan Modular Matrix Sdn. Bhd..

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 hingga 2011. Perbincangan dan temu bual juga

diadakan dengan pegawai syarikat dan pekerja ladang. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati prestasi kewangan YPPH adalah baik. Keuntungan sebelum cukai syarikat semakin meningkat bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 menjadikan keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2011 berjumlah RM136.37 juta. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu perladangan kelapa sawit juga telah dilaksanakan dengan baik. Manakala tadbir urus korporat syarikat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti:

- Kadar Perahan Minyak (KPM) YPPH masih rendah berbanding KPM Negeri Pahang Dan Semenanjung Malaysia.
- Kaedah penyimpanan baja yang tidak sempurna.
- Pembayaran bonus melebihi kadar yang ditetapkan pekeliling.
- Tiada pulangan yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari.

6.4.1. Prestasi Kewangan

6.4.1.1. Analisis Trend

- a. Jumlah pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan dan Keuntungan Sebelum Cukai YPPH
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	77.08	125.75	183.08
Tolak : Perbelanjaan	69.80	83.70	122.14
Keuntungan Sebelum Cukai	7.28	42.05	60.94

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit mendapati trend pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah menunjukkan trend yang menaik. Keuntungan sebelum cukai YPPH pada tahun 2009 adalah sejumlah RM7.28 juta meningkat kepada RM42.05 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM60.94 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2010 YPPH mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai yang ketara iaitu sejumlah RM34.77 juta atau

477.6% manakala pada tahun 2011 peningkatannya adalah sejumlah RM18.89 juta atau 44.9%. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan dalam jumlah pendapatan yang diperoleh sejumlah RM48.67 juta pada tahun 2010 dan RM57.33 juta pada tahun 2011 berbanding pertambahan dalam perbelanjaan yang lebih rendah iaitu sejumlah RM13.90 juta pada tahun 2010 dan RM38.44 juta pada tahun 2011. Keadaan ini menjadikan nisbah pertambahan pendapatan berbanding pertambahan perbelanjaan pada tahun 2010 dan 2011 adalah 3.5:1 dan 1.49:1 masing-masing.

- c. Pendapatan utama YPPH adalah terdiri daripada hasil sektor perladangan iaitu jualan minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit. Selain itu, pendapatan YPPH juga disumbangkan daripada hasil sewaan, jualan pelaburan dan dividen kasar. Analisis Audit mendapati pendapatan YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah meningkat daripada RM77.08 juta pada tahun 2009 kepada RM125.75 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM183.08 juta pada tahun 2011. Analisis Audit selanjutnya mendapati jualan minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat iaitu melebihi 90% daripada keseluruhan pendapatan. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011 hasil jualan minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit mencatatkan sejumlah 97.1%, 98.8% dan 99% masing-masing daripada pendapatan syarikat. Faktor yang membawa kepada peningkatan hasil jualan ini adalah kenaikan mendadak harga pasaran minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit pada tahun 2010 dan 2011. **Jadual 6.2** menunjukkan purata harga tahunan produk kelapa sawit bagi tahun 2009 hingga 2011 oleh Lembaga Perindustrian Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang telah mempengaruhi pendapatan YPPH.

Jadual 6.2
Purata Harga Tahunan Produk Kelapa Sawit
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Minyak Sawit Mentah (RM/Tan Metrik)	Isirong Kelapa Sawit (RM/Tan Metrik)
2009	2,236.50	1,070.00
2010	2,701.00	1,735.50
2011	3,219.00	2,206.00

Sumber: MPOB

- d. Jumlah perbelanjaan YPPH juga meningkat daripada RM69.80 juta pada tahun 2009 kepada RM83.70 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM122.14 juta pada tahun 2011. Peningkatan sejumlah RM13.90 juta atau 19.9% pada tahun 2010 dan RM38.44 juta atau 45.9% pada tahun 2011 adalah disebabkan peningkatan yang ketara bagi kos pentadbiran iaitu sejumlah RM8.49 juta atau 77.7% dan RM4.79 juta atau 24.7% berbanding perbelanjaan lain. Tanggungan utama syarikat bagi kos pentadbiran ialah bayaran gaji dan elauan pekerja. Selain itu, peningkatan jumlah perbelanjaan syarikat juga adalah dipengaruhi oleh peningkatan dalam kos operasi perladangan seperti sewa pajak dan pembajaan.

- e. Perbelanjaan sewa pajak yang dibayar kepada badan induk iaitu Yayasan Pahang dikira berdasarkan pengiktirafan jumlah keluasan kawasan matang ladang kelapa sawit iaitu 36 bulan selepas hari pertama anak pokok ditanam. Pada tahun 2010 YPPH mencatatkan peningkatan perbelanjaan sewa pajak sejumlah RM4.57 juta atau 24% dan RM18.6 juta atau 78.8% pada tahun 2011. Kedudukan sewa pajak tertunggak kepada Yayasan Pahang bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tunggakan Sewa Pajak Kepada Yayasan Pahang
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Baki awal	29.63	34.23	39.85
Sewa pajak yang perlu dibayar bagi tahun semasa	19.05	23.62	42.22
Bayaran sewa pajak pada tahun semasa	14.45	18.00	31.38
Baki akhir	34.23	39.85	50.69

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.


- f. Selain itu, peningkatan kos pembajaan pada tahun 2011 sejumlah RM4.41 juta atau 27.3% berbanding penurunan sejumlah RM4.37 juta atau 21.3% pada tahun 2010. Ia telah meningkatkan lagi jumlah perbelanjaan syarikat. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.4, Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.

Jadual 6.4
Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan YPPH
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	75.77	125.09	181.98
Perbelanjaan Operasi	57.94	62.97	95.06
Untung Kasar	17.83	62.12	86.92
Pendapatan Lain	1.31	0.66	1.10
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	10.93	19.42	24.21
Untung Operasi	8.21	43.36	63.81
Kos Kewangan	0.93	1.31	2.87
Untung Sebelum Cukai	7.28	42.05	60.94
Cukai	2.02	10.50	15.81
Untung Selepas Cukai	5.26	31.55	45.13
Dividen	1.73	1.74	2.17
Keuntungan Terkumpul	63.60	93.41	136.37


Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

Carta 6.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul YPPH Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

Carta 6.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan YPPH Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Analisis Nisbah Kewangan YPPH
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	0.37:1	0.76:1	1.35:1
2.	Margin Untung Bersih	6.9%	25.2%	24.8%
3.	Pulangan Atas Aset	0.02:1	0.11:1	0.11:1
4.	Pulangan Atas Ekuiti	0.05:1	0.26:1	0.25:1

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah antara 0.37 hingga 1.35 kali. Walaupun peningkatan Nisbah Semasa menunjukkan syarikat semakin berupaya untuk menampung liabiliti jangka pendek dengan aset semasa sedia ada, namun ia masih berada di bawah tahap memuaskan iaitu 2:1. Selain itu, kenaikan Nisbah Semasa syarikat pada tahun 2010 dan 2011 adalah disumbangkan oleh pertambahan pelaburan dalam bentuk simpanan tetap oleh YPPH.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit terhadap margin keuntungan YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah antara 6.9% hingga 25.2%. Walaupun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2011 namun margin keuntungan YPPH adalah masih baik.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati syarikat telah menjana keuntungan sebanyak 2 sen pada tahun 2009, manakala pada tahun 2010 dan 2011 pula sebanyak 11 sen telah dijanakan bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan YPPH dalam menguruskan asetnya bagi menjana keuntungan adalah memuaskan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisis Audit terhadap nisbah Pulangan Atas Ekuiti YPPH bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah memuaskan. Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 syarikat menjana keuntungan berjumlah 5 sen, 26 sen dan 25 sen masing-masing bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Keadaan ini menunjukkan YPPH cekap menggunakan ekuitinya bagi menjana keuntungan kepada syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan YPPH adalah baik. Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 keuntungan syarikat adalah semakin meningkat menjadikan keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2011 berjumlah RM136.37 juta. Selain itu, analisis nisbah menunjukkan pulangan yang diperoleh YPPH terhadap aset dan ekuiti yang dilaburkan juga semakin meningkat.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama YPPH adalah perladangan kelapa sawit. Lebih 95% pendapatan YPPH adalah disumbangkan oleh aktiviti ini. Selain itu YPPH juga ada menjalankan aktiviti pelaburan dan hartanah. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat mendapati perkara seperti berikut:

6.4.2.1. Ladang Kelapa Sawit YPPH

- a. YPPH mula menceburi bidang perladangan kelapa sawit mulai tahun 1994 dengan pembukaan Ladang Pulau Manis dengan keluasan 1,171 ekar di Pulau Manis, Pekan. Bagaimanapun, pada tahun 2003 ladang ini telah dijual kepada LKPP Corporation Sdn. Bhd. dengan harga RM10 juta bagi menjana aliran tunai syarikat. Sehingga akhir tahun 2012, YPPH telah memiliki sebanyak 10 ladang kelapa sawit dengan keluasan 26,689 hektar iaitu Ladang Gambang, Ladang Endau Rompin, Ladang Sungai Kemelai, Ladang Sungai Kembar, Ladang Sungai Mentelong, Ladang Sungai Endau, Ladang Sungai Merbau, Ladang Sungai Bebar Utara, Ladang Sungai Bebar Selatan dan Ladang Nenasi. Daripada jumlah keluasan ladang tersebut, 14,571 hektar merupakan ladang matang, 8,195 hektar adalah ladang belum matang, manakala 3,923 hektar lagi masih dalam proses pembangunan kawasan.
- b. Keluasan ladang yang dimiliki YPPH mengikut peringkat pada Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Keluasan Ladang YPPH Mengikut Peringkat Pada Jun 2012

Bil.	Nama Ladang	Keluasan (Hektar)			
		Matang	Belum Matang	Proses Pembangunan	Jumlah
1.	Ladang Gambang	2,794	-	-	2,794
2.	Ladang Endau Rompin	3,922	-	-	3,922
3.	Ladang Sg. Kemelai	1,800	200	-	2,000
4.	Ladang Sg. Kembar	2,000	77	-	2,077
5.	Ladang Sg. Mentelong	2,798	-	-	2,798
6.	Ladang Sg. Endau	193	2,000	343	2,536
7.	Ladang Sg. Merbau	-	1,400	1,080	2,480
8.	Ladang Sg. Bebar Selatan	1,064	2,310	-	3,374
9.	Ladang Sg. Bebar Utara	-	2,208	-	2,208
10.	Ladang Nenasi	-	-	2,500	2,500
Jumlah		14,571	8,195	3,923	26,689

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

6.4.2.2. Pengeluaran Buah Tandan Segar

- a. Pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang berkualiti dan memenuhi sasaran yang ditetapkan akan memberi pulangan hasil yang tinggi kepada syarikat. Semakan Audit terhadap penyata kewangan pengurusan YPPH mendapati pengeluaran BTS mengikut ladang bagi tahun 2010, 2011 dan sehingga Jun 2012 berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7

Pengeluaran BTS Ladang YPPH Berbanding Sasaran Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Bil.	Ladang YPPH	Pengeluaran BTS (Tan/Tahun)					
		2010		2011		2012	
		Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran
1.	Ladang Gambang	58,914	60,000	81,401	65,000	23,344	30,350
2.	Ladang Endau Rompin	84,214	95,034	80,239	95,800	29,172	36,110
3.	Ladang Sg. Kemelai	31,588	26,400	35,009	35,250	13,322	17,480
4.	Ladang Sg. Kembar	21,290	14,376	31,293	29,230	12,043	18,760
5.	Ladang Sg. Mentelong	28,953	26,000	42,294	46,400	20,701	26,950
6.	Ladang Sg. Endau	1,364	714	3,404	2,500	573	1,720
7.	Ladang Sg. Bebar Selatan	-	-	-	-	5,708	4,370
Jumlah		226,323	222,524	273,640	274,180	104,863	135,740

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 pengeluaran BTS syarikat adalah melebihi sasaran sebanyak 3,799 tan, manakala pada tahun 2011 pengeluaran BTS YPPH adalah kurang daripada sasaran sebanyak 540 tan. Bagi tempoh sehingga Jun 2012, pengeluaran BTS berkurangan sebanyak 30,877 daripada sasaran. Analisis Audit terhadap purata pengeluaran BTS sehektar ladang YPPH bagi tempoh 2010 hingga Jun 2012 mendapati purata pengeluaran BTS sehektar YPPH adalah antara 12.09 hingga 29.13 tan sehektar. Analisis Audit juga mendapati pengeluaran BTS yang paling tinggi adalah di Ladang Gambang pada tahun 2011 iaitu sebanyak 29.13 tan sehektar. Faktor utama yang mempengaruhi pengeluaran BTS adalah usia pokok atau tahap kematangan pokok. Selain itu, faktor lain seperti pembajaan yang berjadual dan sempurna, kebersihan kawasan ladang, cuaca, sistem pengairan dan biji benih yang berkualiti juga boleh mempengaruhi pengeluaran BTS. Purata pengeluaran BTS mengikut ladang bagi tahun 2010, 2011 dan sehingga Jun 2012 ladang YPPH adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8**Purata Pengeluaran BTS Sehektar Ladang YPPH Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012**

Bil.	Ladang YPPH	Usia Pokok (Tahun)	2010 Tan/Hektar	2011 Tan/Hektar	2012 Tan/Hektar
1.	Ladang Gambang	13-15	21.08	29.13	8.36
2.	Ladang Endau Rompin	13-15	21.47	20.45	7.44
3.	Ladang Sg. Kemelai	8-12	19.14	19.44	7.40
4.	Ladang Sg. Kembar	5-7	17.77	18.27	6.02
5.	Ladang Sg. Mentelong	4-6	12.09	14.58	7.40
6.	Ladang Sg. Endau	3-4	13.64	17.64	2.97
7.	Ladang Sg. Bebar Selatan	3	-	-	5.36

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- c. Manakala, purata pengeluaran BTS YPPH berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang, Semenanjung Malaysia dan syarikat yang menjalankan aktiviti yang sama iaitu LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB) adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9**Purata Pengeluaran BTS Sehektar YPPH Berbanding Purata Pengeluaran Bagi Negeri Pahang, Semenanjung Malaysia Dan LKPP Corporation Sdn. Bhd.**

Bil.	Purata Pengeluaran BTS	2010 Tan/Hektar	2011 Tan/Hektar	2012 (Sehingga Jun) Tan/Hektar
1.	Purata Pengeluaran BTS YPPH	18.77	20.54	7.20
2.	Purata Pengeluaran BTS Negeri Pahang	17.66	18.97	7.38
3.	Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia	17.91	19.24	7.78
4.	Purata Pengeluaran BTS LCSB	18.63	20.22	6.12

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- d. Analisis Audit seterusnya mendapati purata pengeluaran BTS sehektar ladang YPPH pada tahun 2010 dan 2011 adalah 18.77 tan sehektar dan 20.54 tan sehektar masing-masing. Ia adalah lebih tinggi berbanding purata pengeluaran BTS sehektar bagi Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB iaitu masing-masing sebanyak 17.66 tan sehektar dan 17.91 tan sehektar pada tahun 2010 serta 18.97 tan sehektar dan 19.24 tan sehektar bagi tahun 2011. Bagaimanapun, bagi setengah tahun pertama tahun 2012 purata BTS sehektar YPPH telah menurun berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia sebanyak 0.18 tan sehektar dan 0.58 tan sehektar masing-masing. Namun penurunan ini tidaklah begitu ketara. Analisis Audit terhadap purata pengeluaran BTS YPPH berbanding syarikat yang menjalankan aktiviti yang sama iaitu LKPP Corporation Sdn. Bhd. pula mendapati purata pengeluaran BTS YPPH adalah lebih tinggi.

6.4.2.3. Jualan Buah Tandan Segar

- a. YPPH akan mendapatkan sebut harga kadar perahan minyak bagi minyak sawit mentah dan isirong daripada kilang-kilang yang berdekatan dengan ladang atau pihak lain yang berminat untuk menjadi pembeli BTS, 3 bulan sebelum ladang diiktiraf matang. Apabila sebut harga diterima dan dikumpulkan, analisis harga akan dibuat

oleh pengurus kewangan dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Pengurusan untuk kelulusan. Surat tawaran akan dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012, sebanyak 11 sebut harga telah diterima daripada 8 syarikat/pembeli BTS dan 7 sebut harga daripada 5 syarikat/pembeli BTS telah dipilih dan menandatangani kontrak sebagai pembeli BTS dengan kadar perahan minyak yang dipersetujui seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Pembeli BTS YPPH Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2012

Bil.	Ladang YPPH	Pembeli BTS (Syarikat)	Tahun Ditanam	KPM 2012 (%)	
				Minyak Sawit Mentah	Isirong Sawit
1.	Ladang Endau Rompin	Endau Palm Oil Mill (Harga Purata Malaysia)	1996/1997	19.50	5.00
2.	Ladang Sg. Kemelai		2000/2004	19.25	4.50
3.	Ladang Sg. Kembar		2005	19.25	4.50
4.	Ladang Sg. Mentelong		2006	18.00	4.25
5.	Ladang Gambang	Kim Ma Oil Palm Transport Sdn. Bhd.	1996/1997	19.85	5.25
			2006	18.00	5.00
		Sern Lee Enterprise Sdn. Bhd.	1996/1997	19.85	5.25
			2006	18.00	5.00
		TT Max Enterprise Sdn. Bhd.	1996/1997	19.85	5.25
			2006	18.00	5.00
		Kilang Sawit Lembing Sdn. Bhd.	1996/1997	20.00	5.25
6.	Ladang Sg. Bebar Selatan	Kim Ma Oil Palm Transport Sdn. Bhd.	2009	16.00	4.00
		Kilang Sawit Lembing Sdn. Bhd.	2009	15.00	4.00

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelantikan sebagai pembeli BTS ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yang Ke 69 yang diadakan pada 27 Disember 2011. Antara faktor yang diambil kira dalam pemilihan pembeli BTS adalah seperti kedudukan kilang yang hampir dengan ladang, kadar perahan minyak yang ditawarkan tinggi, kos memproses dan pengangkutan yang rendah dan mempunyai pengalaman sebagai pembeli BTS YPPH serta mempunyai reputasi yang baik. Harga jualan BTS/tan adalah dikira berdasarkan KPM yang dipersetujui antara syarikat dan pekilang/pembeli BTS. KPM bagi minyak sawit mentah dan isirong sawit ini kemudiannya akan didarab dengan harga pasaran semasa bagi minyak sawit mentah dan isirong sawit yang dikeluarkan oleh MPOB untuk mendapatkan harga minyak sawit mentah dan isirong yang dihasilkan. Selepas itu, pekilang/pembeli BTS akan menolak segala kos yang terlibat seperti kos memproses, kos pengangkutan dalaman dan luaran, ses MPOB bagi mendapatkan harga jualan bersih BTS.

6.4.2.4. Kadar Perahan Minyak Sawit

- a. Kadar Perahan Minyak Sawit bagi minyak sawit mentah dan isirong adalah berdasarkan persetujuan antara YPPH dan pembeli BTS mengikut usia pokok dan kualiti buah kelapa sawit yang dihasilkan. Ia bermula daripada pemilihan biji benih sawit yang ditanam dan pengurusan operasi seperti pembajaan dan penjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna. Selain itu, faktor seperti kematangan pokok kelapa sawit, buah yang cukup masak dan masih baru serta tidak terdedah kepada cuaca panas akan menghasilkan KPM yang lebih tinggi. Selepas proses penuaian, buah kelapa sawit tersebut perlu dihantar ke kilang atau pembeli BTS dengan segera bagi mengelakkan buah menjadi kering dan akan menurunkan KPM. Semakan Audit mendapati purata KPM YPPH pada tahun 2010 hingga 2012 berbanding purata KPM bagi Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB adalah seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11

Purata Kadar Perahan Minyak Sawit YPPH Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Bil.	Ladang YPPH	Kadar Perahan Minyak					
		2010		2011		2012 (Sehingga Jun)	
		Minyak Sawit Mentah (%)	Isirong (%)	Minyak Sawit Mentah (%)	Isirong (%)	Minyak Sawit Mentah (%)	Isirong (%)
1.	Ladang Gambang - Div A	19.80	5.25	19.80	5.25	19.85	5.25
	Ladang Gambang - Div B	16.50	5.00	16.50	5.00	18.00	5.00
2.	Ladang Endau Rompin	19.25	5.00	19.50	5.00	19.50	5.00
3.	Ladang Sg. Kemelai	19.25	4.50	19.25	4.50	19.25	4.50
4.	Ladang Sg. Kembar	19.25	4.25	19.25	4.50	19.25	4.50
5.	Ladang Sg. Mentelong	17.00	4.50	18.00	4.25	18.00	4.25
6.	Ladang Sg. Bebar Selatan	-	-	-	-	16.00	5.00
7.	Ladang Sg. Endau	17.00	4.50	18.00	4.25	18.00	4.25
Purata KPM YPPH		18.83	4.84	18.90	4.80	18.85	4.76
Purata KPM Negeri Pahang Oleh MPOB		20.36	5.41	20.40	5.32	20.26	5.49
Purata KPM Semenanjung Malaysia Oleh MPOB		19.91	5.51	20.08	5.45	19.93	5.55

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit mendapati Purata KPM bagi Ladang YPPH bagi tahun 2010, 2011 dan sehingga Jun 2012 adalah lebih rendah berbanding purata KPM bagi Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB. Pihak Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan purata KPM ladang YPPH ini rendah adalah disebabkan KPM ini ditentukan oleh pembeli BTS berdasarkan usia pokok. Pihak Audit mendapati ladang YPPH telah diuruskan dengan baik dari segi pembajaan, pengairan dan kebersihan ladang. Kualiti buah yang dihasilkan juga adalah setanding dengan ladang-ladang lain di Negeri Pahang seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**. Bagaimanapun, penentuan harga masih bergantung kepada pembeli BTS kerana YPPH tidak mempunyai kilang sawit sendiri. Bagi mengatasi masalah ini,

YPPH merancang untuk membina kilang sawit di bawah pengurusan anak syarikatnya iaitu Peak Crops Sdn. Bhd. dengan anggaran kos berjumlah RM41.16 juta (kapasiti 45 tan/jam). Kenyataan tender bagi melaksanakan kerja-kerja tanah untuk membina kilang sawit ini telah dikeluarkan pada Jun 2011. Lesen bagi pembinaan kilang sawit juga telah diperoleh daripada MPOB. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah YPPH yang ke 67(67-02/2011) bertarikh 8 Ogos 2011 memutuskan pembinaan kilang sawit ini ditangguhkan sehingga pihak Yayasan Pahang menyelesaikan perjanjian usaha sama pembinaan kilang antara YPPH dan LKPP Corporation Sdn. Bhd..

**Gambar 6.1
Buah Kelapa Sawit
Di Ladang YPPH**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
Tarikh: 19 Jun 2012

**Gambar 6.2
Tandan Segar Kelapa Sawit Yang Baru
Dipetik Sebelum Dihantar Ke Kilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
Tarikh: 19 Jun 2012

- c. **Maklum balas yang diterima daripada YPPH bertarikh 2 November 2012, menjelaskan, pihak YPPH telah mempunyai perancangan untuk membina kilang sawit sendiri di Ladang Gugusan Endau Rompin kerana keluasan ladang yang telah mencukupi. Lesen pembinaan kilang juga telah diperoleh daripada MPOB. Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk menangguhkan sementara pembinaan kilang sawit ini bagi memberi tumpuan kepada pembangunan dan pembesaran kawasan ladang terlebih dahulu. Kilang ini dijangka akan dibina pada tahun 2013. Dengan pembinaan kilang sawit sendiri KPM syarikat akan dapat dipertingkatkan dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada pengilang luar.**

6.4.2.5. Kaedah Penyimpanan Baja

- a. Baja merupakan elemen penting dalam perladangan kelapa sawit. Semakan Audit terhadap penyata kewangan YPPH mendapati bagi tahun kewangan 2010 dan 2011 syarikat telah membelanjakan sejumlah RM16.16 juta dan RM20.57 juta bagi kos pembajaan. Manakala bagi tahun 2012, cadangan perolehan baja yang telah diluluskan bagi ladang YPPH adalah sejumlah RM33.22 juta. Peningkatan sejumlah

61.5% bagi tahun 2012 ini adalah disebabkan pembukaan kawasan ladang baru di samping harga baja yang naik mendadak pada akhir tahun 2011.

- b. Semasa lawatan Audit ke Ladang YPPH, pihak Audit mendapati sebahagian daripada stok baja tidak disimpan dengan baik. Baja-baja dilonggokkan di atas tanah dan terdedah kepada cuaca yang boleh menurunkan kualiti baja. Keadaan baja yang disusun di atas tanah di Ladang Bebar Selatan dan Ladang Endau Rompin adalah seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
Tarikh: 19 Jun 2012

Gambar 6.4
Baja Dilonggokkan Di Luar Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
Tarikh: 19 Jun 2012

- c. **Maklum balas yang diterima daripada YPPH bertarikh 2 November 2012, menjelaskan, baja yang ditempatkan di luar stor semasa lawatan Audit tersebut tidak dapat dielakkan kerana kuantiti baja yang banyak dan pihak YPPH menghadapi masalah logistik dan infrastruktur kerana kedudukan ladang yang jauh dari jalan utama. Bagaimanapun, pada sebelah petang baja-baja tersebut akan ditutup dengan menggunakan kanvas bagi mengelakkan baja terdedah kepada hujan. Pihak YPPH juga mempunyai perancangan untuk membina stor baja baharu di Ladang Endau Rompin bagi memastikan kualiti baja sentiasa terjamin.**

Pada pendapat Audit, ladang kelapa sawit YPPH telah diurus dengan cekap dan teratur. Purata pengeluaran BTS/hektar syarikat adalah melebihi purata pengeluaran Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia. Selain itu, kebijakan pekerja serta kawasan ladang juga telah dijaga dengan baik dan sempurna.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, YPPH adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaianya telah

dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke 69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah, had pembayaran elau Ahli Lembaga Pengarah, pembayaran dividen, pembayaran bonus dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat YPPH mendapati perkara seperti berikut:

6.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja yang lengkap akan menjelaskan proses kerja, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja antara pegawai. Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan syarikat mengeluarkan garis panduan serta prosedur untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Antaranya berhubung dengan aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, perolehan, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Garis panduan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Polisi serta prosedur syarikat yang telah diwujudkan hendaklah sentiasa disemak dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ia masih relevan diguna pakai. Setiap pekerja syarikat hendaklah dimaklumkan akan kewujudan Garis Panduan Dan Prosedur Kerja tersebut bertujuan memastikan semua pegawai mematuhi setiap perundangan, peraturan, standard dan polisi yang diwujudkan.
- b. Semakan Audit mendapati YPPH ada menyediakan garis panduan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001-2008 berkaitan kewangan dan perakaunan yang meliputi prosedur kewangan, prosedur sistem kualiti, prosedur ladang matang, prosedur perakaunan, prosedur perolehan dan prosedur pentadbiran. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001-2008 tersebut telah disijilkan mulai 16 November 2007.

6.4.3.2. Lembaga Pengarah

- a. Ahli Lembaga Pengarah YPPH adalah seramai 6 orang dan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Semakan Audit mendapati keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah YPPH adalah menepati kehendak Seksyen 122, Akta Syarikat 1965.
- b. Akta Syarikat 1965 juga ada menjelaskan, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat secara berkala mengikut ketetapan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, Ahli Lembaga Pengarah YPPH telah

bermesyuarat sebanyak 3 kali, 4 kali pada tahun 2011 dan 3 kali pada tahun 2012 (sehingga September). Semakan Audit mendapati bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah YPPH adalah mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan lanjut Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati agenda yang dibincangkan ada mengambil kira perkara berkaitan ladang, kewangan, prestasi syarikat, kebajikan pekerja dan hal-hal lain berkaitan syarikat.

6.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan. Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini mestilah terdiri daripada pihak pengurusan dan ahli luar. Peranan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 antara lain adalah termasuk menyemak aktiviti audit dalam.
- b. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2011 Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum lagi ditubuhkan oleh YPPH. Unit Audit Dalam ada ditubuhkan pada 1 September 2005 dan diketuai oleh Ketua Audit Dalam dan dibantu oleh seorang Eksekutif yang bertanggungjawab menjalankan audit dalaman ISO, audit kewangan dan audit operasi. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam ini telah memainkan peranannya dengan menjalankan semua pengauditan di atas di samping membantu pengurusan dalam memberi khidmat nasihat serta terlibat dalam jawatankuasa penting syarikat.

6.4.3.4. Pembayaran Dividen

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 (Dasar Dan Garis Panduan Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Kerajaan) ada menetapkan mengenai pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kepada Kerajaan/Agensi Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2009, 2010 dan 2011, YPPH ada membuat pembayaran dividen kepada Yayasan Pahang sebagai pulangan atas pelaburan seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Pembayaran Dividen Oleh YPPH Kepada Yayasan Pahang
Bagi Tahun Kewangan 2009, 2010 Dan 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Modal Saham Berbayar YPPH (RM Juta)	28.98	28.98	47.00
Pembayaran Dividen/Unit Saham	6 sen <i>(Final single tier)</i>	7.5 sen <i>(Final single tier)</i>	22 sen (10 sen <i>final</i> <i>single tier</i> , 12 sen <i>special dividends</i>)
Jumlah Dividen Yang Dibayar (RM Juta)	1.74	2.17	10.34
Keuntungan Selepas Cukai YPPH (RM Juta)	5.26	31.56	45.13
Peratus Dividen Yang Dibayar Daripada Keuntungan Selepas Cukai	33.1%	6.9%	22.9%

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit mendapati dividen yang dibayar pada tahun 2009 dan 2011 adalah melebihi 10% daripada keuntungan selepas cukai syarikat. Bagaimanapun dividen yang dibayar pada tahun 2010 iaitu sejumlah RM2.17 juta (6.9%) adalah kurang daripada 10% atas keuntungan syarikat.
- c. **Maklum balas yang diterima daripada YPPH bertarikh 2 November 2012**, menjelaskan, pulangan YPPH kepada syarikat induk adalah dalam 2 bentuk iaitu dividen dan bayaran sewa pajak. Tujuan sewa pajak dikenakan adalah bagi membolehkan Yayasan Pahang mempunyai sumber kewangan bagi membiayai pendidikan rakyat Negeri Pahang. Pada tahun 2010 YPPH hanya membayar 6.9% sahaja dividen daripada hasil keuntungan kepada Yayasan Pahang tetapi YPPH juga telah membayar sewa pajak kepada Yayasan Pahang. Impak kekurangan pulangan kepada Yayasan Pahang tidak timbul kerana jumlah keseluruhan bayaran adalah melebihi 10%.

6.4.3.5. Pembayaran Bonus

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat adalah dibenarkan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bayaran bonus bagi syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh syarikat induk atau badan berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkusa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Selain itu, Pekeliling di atas juga menetapkan kadar bayaran bonus kepada kakitangan hendaklah tidak melebihi 2 bulan gaji kecuali syarikat memperoleh keuntungan cemerlang iaitu berdasarkan peratus keuntungan operasi 3 tahun sebelum.
- b. Semakan Audit mendapati YPPH ada membuat pembayaran bonus kepada kakitangan bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 dalam bentuk bonus interim dan bonus tambahan pada kadar 6 hingga 9 bulan gaji seperti di **Jadual 6.13**. Bonus

interim dibayar kepada semua kakitangan syarikat, manakala bonus tambahan akan dibayar kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Jadual 6.13

Jumlah Pembayaran Bonus YPPH Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009		2010		2011	
	Kadar (Bulan)	(RM)	Kadar (Bulan)	(RM)	Kadar (Bulan)	(RM)
Bonus Interim	3	393,531	6	223,321	8	415,458
Bonus Tambahan	2-3	682,670	2	1,635,460	1	1,482,723
Jumlah	6	1,076,201	8	1,858,781	9	1,898,181

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- c. Semakan Audit mendapati bayaran bonus YPPH telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Analisis Audit terhadap bayaran bonus YPPH bagi tempoh 2009 hingga 2011 mendapati jumlah pembayaran bonus adalah semakin meningkat pada setiap tahun dan kadar pembayaran bonus adalah melebihi kadar yang ditetapkan pekeliling.
- d. **Maklum balas yang diterima daripada YPPH bertarikh 2 November 2012 menjelaskan, pembayaran bonus kepada kakitangan dibuat di peringkat Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah berdasarkan prestasi semasa dan keuntungan syarikat.**

6.4.3.6. Pengurusan Syarikat Subsidiari

- a. YPPH memiliki 3 syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya iaitu Fitness Twenty-Twenty Sdn. Bhd., Modular Matrix Sdn. Bhd. dan Peak Crops Sdn. Bhd.. Tujuan utama penubuhan syarikat subsidiari ini adalah bagi menjana keuntungan dan menyalur bantuan kewangan kepada YPPH serta menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Maklumat berkaitan syarikat subsidiari YPPH adalah seperti di **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14

Senarai Syarikat Subsidiari YPPH Pada Jun 2012

Bil.	Syarikat Subsidiari	Aktiviti Syarikat Subsidiari	Tahun Ditubuhkan	Jumlah Pelaburan (RM)	Status
1.	Fitness Twenty- Twenty Sdn. Bhd.	Menjalankan operasi klinik, <i>gymnasium</i> dan <i>fitness centre</i> .	1992	1,250,002	Tidak Aktif
2.	Modular Matrix Sdn. Bhd.	Aktiviti pembalakan	1993	950,002	Tidak Aktif
3.	Peak Crops Sdn. Bhd.	Pertanian	1993	100,000	Tidak Aktif

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit mendapati kesemua syarikat subsidiari YPPH adalah berstatus tidak aktif. Penyata kewangan syarikat subsidiari YPPH menunjukkan angka kerugian seperti di **Jadual 6.15** kerana masih menanggung kos berkaitan seperti yuran akaun, yuran audit dan sebagainya.

Jadual 6.15
Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari YPPH
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Syarikat Subsidiari	Kerugian Bersih/Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Fitness Twenty-Twenty Sdn. Bhd.	3,535	2,930	2,820
Modular Matrix Sdn. Bhd.	4,275	3,278	4,186
Peak Crops Sdn. Bhd.	3,401	2,895	7,556

Sumber: YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.

- c. **Maklum balas yang diterima daripada YPPH bertarikh 2 November 2012, menjelaskan Syarikat Fitness Twenty-Twenty Sdn. Bhd. tidak aktif mulai tahun 2002 lagi dan operasi asal syarikat ini telah dipindahkan kepada syarikat IKIP Training Sdn. Bhd. (Ahli Kumpulan Yayasan Pahang). Ia merupakan sebahagian daripada proses penstrukturkan semula aktiviti syarikat seperti yang digariskan oleh Ahli Lembaga Pengarah YPPH. Manakala, Syarikat Modular Matrix Sdn. Bhd. pula tidak aktif mulai tahun 1998, aktiviti syarikat ini telah dijalankan oleh Yayasan Pahang sendiri. Mulai 20 September 2012 syarikat ini telah diambil alih sepenuhnya oleh Yayasan Pahang dan bukan lagi merupakan syarikat subsidiari YPPH. Syarikat Peak Crops Sdn. Bhd. pula akan diaktifkan semula apabila cadangan pembinaan kilang sawit diluluskan dan kilang tersebut akan dibina dan beroperasi di bawah pengurusan syarikat ini.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat syarikat telah dilaksanakan dengan memuaskan. Peraturan dan prosedur kerja ada disediakan dan pembayaran dividen juga ada dibuat kepada agensi induk. Selain itu, pengurusan pinjaman dan pengurusan sumber manusia juga telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, manfaat Ahli Lembaga Pengarah dan pembayaran bonus tidak menepati kehendak pekeliling dan tiada pulangan yang diperoleh daripada pelaburannya dalam syarikat subsidiari.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif utama YPPH sebagai *investment arm* kepada Yayasan Pahang untuk membantu anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan serta visi YPPH menjadi syarikat perladangan bertaraf dunia tercapai, adalah disyorkan YPPH mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 6.5.1.** Meningkatkan kadar perahan minyak oleh syarikat melalui pembinaan kilang sawit sendiri serta mengurangkan kebergantungan YPPH kepada syarikat lain.

6.5.2. Mewujudkan kaedah penyimpanan baja yang lebih sempurna seperti pembinaan stor baru bagi memastikan kualiti baja sentiasa terjamin.

6.5.3. Memastikan setiap peraturan kerajaan berkaitan syarikat kerajaan terutama berkaitan pembayaran dividen, pembayaran bonus dan manfaat Ahli Lembaga Pengarah dipatuhi

6.5.4. Memantau perjalanan syarikat subsidiari bagi memastikan objektif penubuhan syarikat subsidiari tercapai serta memperoleh keuntungan dan dapat memberi pulangan pelaburan kepada YPPH.

6.5.5 Mengemukakan cadangan supaya pekeliling berkaitan syarikat kerajaan dibincangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi memastikan tahap pemakaian pekeliling tersebut oleh syarikat kerajaan negeri.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
10 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my